

Bil. 2

**Rabu
27 Mac 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	[Ruangan 1]
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:	
Surat Layang Mengkritik Para Hakim—Penyiasatan —Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)	[Ruangan 17]
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT USUL:	[Ruangan 19]
Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong —Y.B. Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan)	[Ruangan 19]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).

- Yang Berhormat DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis)
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Hajah Kalsom binti Ghazali Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	--

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 27hb Mac, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

NAHAS JALAN RAYA—
LANGKAH MENGATASI

1. **Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah terperinci untuk mencegah nahas jalan raya di negara ini yang jadi semakin serius. Adakah syarat-syarat memperolehi lesen memandu akan diperketatkan. Adakah pemandu-pemandu kenderaan berat akan diperlukan menjalani latihan "re-fresher" dan juga latihan-latihan lain yang akan menyemaikan sikap tanggungjawab terhadap keselamatan jalan raya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk mencegah kemalangan jalan raya di negara ini yang menjadi semakin serius adalah seperti berikut:

- (i) menerapkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan murid-murid sekolah atau melalui pendidikan kokurikulum, penubuhan kelab keselamatan jalan raya dan pasukan unit trafik sekolah:

- (ii) memperhebatkan penguatkuasaan undang-undang lalu lintas oleh agensi penguatkuasaan:

- (iii) memberi dan menganjurkan kursus, ceramah, latihan kemahiran memandu iaitu memandu kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan berat, seminar, bengkel, simposium dan membincangkan cara-cara meningkatkan tahap keselamatan jalan raya; dan

- (iv) menjalankan kempen-kempen kesedaran keselamatan jalan raya.

Kerajaan sememangnya bercadang untuk memperketatkan syarat-syarat memperolehi lesen memandu di negara ini dengan memperkenalkan cadangan sistem pelesenan secara berperingkat, dengan izin, graduated licensing system. Di bawah sistem ini, semua pemandu yang baru akan dikenakan tempoh percubaan selama dua tahun dengan dikeluarkan lesen memandu prasah terlebih dahulu. Dalam tempoh tersebut prestasi pemandu akan dikawal selia dengan rapi. Sekiranya didapati melakukan kesalahan-kesalahan trafik yang serius, ini boleh mengakibatkan lesen memandu prasah ditarik balik dan pemandu perlulah menjalani semula tempoh percubaan. Setelah tamat tempoh percubaan tersebut, maka pemandu berkenaan akan diberi lesen memandu kompetan. Kita menjangkakan pindaan ini akan dibawa kepada sesi Parlimen pada bulan Julai dan Ogos, 1996 ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dahulu dalam menangani masalah kemalangan jalan raya kian meningkat ini pihak kementerian telah memperkenalkan satu sistem yang diberi nama Kejara di mana apabila seseorang pemandu itu melakukan

kesalahan dan apabila tiba sesuatu jumlah point tertentu, mereka dinafikan berada di atas jalan raya. Apakah yang berlaku dengan sistem Kejara ini? Sebab sistem Kejara ini nampaknya lebih berkesan kerana pemandu-pemandu yang merbahaya tidak berada di atas jalan raya dan inilah cara yang paling baik untuk mengelakkan daripada kemalangan-kemalangan berlaku.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, sistem Kejara memang telah dapat mengurangkan sedikit permasalahan kepada pemandu-pemandu yang cuai ataupun melanggar peraturan. Tetapi walaupun telah dikuatkuasakan dengan bersungguh-sungguh oleh pihak Polis dan juga JPJ namun kemalangan jalan raya dan juga kematian masih lagi berlaku. Oleh kerana itu, sistem Kejara ini juga didapati perlu diperkuatkan lagi dan salah satu caranya adalah dengan memperkenalkan sistem prapemandu secara berperingkat yang disebutkan sebentar tadi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa sebilangan besar kemalangan-kemalangan jalan raya yang serius dan membabitkan maut adalah membabitkan kenderaan berat. Adakah pihak Kementerian mahu mengkaji semula sistem pengkajian yang dikenakan ke atas pemandu-pemandu kenderaan berat? Pada waktu ini kami difahamkan bahawa pemandu-pemandu kenderaan berat sama ada bas atau lori, mereka menggunakan sistem trip di mana mereka adalah terlalu tertekan (pressured) untuk mengejar masa dan ini adalah di antara sebab yang menyebabkan kemalangan. Adakah sistem yang diamalkan oleh pihak pengusahapengusaha kenderaan berat sekarang ini menjadi satu punca yang menyebabkan kepada kemalangan dan sikap sambil lewa dan mungkin sikap yang tidak bertanggungjawab di kalangan pemandu-pemandu jentera berat di negara ini?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kenderaan berat juga menyumbang ataupun salah satu punca yang menyebabkan kemalangan. Tetapi saya suka memaklumkan, kebanyakan kemalangan yang berlaku adalah kerana kenderaan-kenderaan mengikut terlalu rapat dengan kenderaan yang berada di hadapan dan inilah yang merupakan punca utama kepada kemalangan yang berlaku di negara kita.

Daripada segi mereka yang terlibat, didapati penunggang motosikal masih lagi merupakan mereka yang terbanyak sekali maut di atas jalan raya. Namun demikian, bagi kes kenderaan berat memang Kementerian menerusi JPJ telah mengambil tindakan-tindakan supaya kenderaan-kenderaan berat ini terpaksa sentiasa disemak kelajuan mereka. Kerana itulah kita boleh lihat banyak di lebuh raya ataupun jalan-jalan persekutuan selalu pihak Polis Trafik dan JPJ ada membuat kawalan dan kadang-kadang kenderaan ini berhenti hingga beratur sepanjang jalan kerana untuk mengelakkan semakan pihak Polis Trafik ataupun JPJ. Ini telah dapat mengurangkan pihak kenderaan berat supaya terus mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Pada 30hb dan 31hb ini satu sesi 'brain storming' akan diadakan di Port Dickson dan isu-isu berkaitan dengan kenderaan berat ini juga akan terus dibincangkan di dalam 'brain storming' yang akan diadakan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga pakar-pakar keselamatan jalan raya di dalam negara kita dan juga daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Kam Hoong.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Wong Kam Hoong tidak hadir).

**PELABUR ASING DI MALAYSIA
TAHUN 1991/ 1992/1993/1995—
JUMLAH**

3. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pelaburan asing di Malaysia bagi tahun 1991, 1992, 1993, 1994 dan 1995 dan apakah langkah-langkah dan strategi kementerian ini untuk menambahkan pelaburan tersebut bagi tahun-tahun akan datang.

1.4.96

15. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjelaskan jumlah pelaburan dalam negeri bagi tahun-tahun 1991, 1992, 1993, 1994 dan 1995 dan tindakan-tindakan yang strategi kementerian ini untuk menambahkan pelaburan-pelaburan tersebut bagi tahun-tahun yang akan datang.

15.4.96

18. Tuan Hoo Seong Chang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelaburan pelabur asing yang melabur di negara kita pada 1994 dan 1995. Pelabur dari negara manakah yang paling ramai melabur di negara kita; dan
- (b) apakah sebab utama yang mengakibatkan perbezaan jumlah pelaburan asing di negara kita pada 1994 dan 1995.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama

dengan soalan-soalan yang juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin, Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehkah sebut kawasan masing-masing, bukan nama.

Tuan Kerk Choo Ting: bukan nama. Dan juga yang lain pada 1hb, 15hb dan 18hb April 1996.

Tuan Yang di-Pertua: (*Ketawa*)

Tuan Kerk Choo Ting: ... kerana soalan-soalan ini berkaitan satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1991-1995 jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh MITI di negara ini adalah lebih kurang RM61 bilion. Pecahan pelaburan asing mengikut tahun pula adalah lebih kurang:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1991	RM17 bilion
1992	RM17 bilion
1993	RM6 bilion
1994	RM11 bilion
1995	RM9 bilion

Sebahagian besar daripada pelaburan ini ialah daripada negeri Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan, Singapura dan Korea Selatan. Sebab utama jumlah pelaburan asing merosot daripada tahun 1994 kepada tahun 1995 ialah persaingan dengan ekonomi-ekonomi baru muncul seperti China, Vietnam, negara-negara Eropah Timur yang mempunyai beberapa kelebihan dari segi saiz pasaran dan kos tenaga buruh yang rendah dalam usaha menarik pelaburan asing.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh yang sama juga MITI telah meluluskan sejumlah lebih kurang RM54 bilion

pelaburan dalam negeri atau pelaburan domestik. Pecahan jumlah nilai pelaburan mengikut tahun adalah lebih kurang:

Tahun	Jumlah
1991	RM13 bilion
1992	RM10 bilion
1993	RM7 bilion
1994	RM11 bilion
1995	RM11 bilion

Jumlah pelaburan (asing dan tempatan) yang diluluskan oleh MITI dalam tahun 1995 ialah lebih kurang RM20 bilion. Tiga industri terpenting mengikut jumlah pelaburan yang dibuat ialah industri Barangan Gantian Bukan Logam, Barangan Logam Dibentuk dan Barangan Elektrik dan Elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah dan strategi-strategi kerajaan untuk terus menarik pelaburan asing ke negara ini ialah dengan mengadakan insentif-insentif tertentu, misi-misi penggalakan pelaburan ke luar negeri, menyediakan infrastruktur perindustrian dan memastikan iklim pelaburan yang baik.

Mengenai insentif-insentif kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif untuk projek-projek yang ditempatkan di negara ini. Insentif-insentif tersebut ialah seperti berikut dengan ringkas:

- (i) Insentif untuk projek-projek strategik dalam bentuk pengecualian cukai sepenuhnya selama 10 tahun atau 100% Elaun Cukai Pelaburan selama 5 tahun.
- (ii) Insentif untuk projek-projek berteknologi tinggi dalam bentuk pengecualian cukai sepenuhnya untuk tempoh 5 tahun atau 60% Elaun Cukai Pelaburan selama 5 tahun.
- (iii) Insentif Taraf Perintis dalam bentuk pengecualian cukai 70% daripada pendapatan berkanun atau 60% Elaun Cukai Pelaburan

bagi aktiviti dan keluaran yang digalakkan.

- (iv) Insentif khusus untuk projek-projek yang ditempatkan di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dalam bentuk Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan.

Selain daripada insentif-insentif di atas, MITI sentiasa mengadakan misi-misi penggalakan pelaburan di luar negara dengan tujuan untuk mendedahkan peluang-peluang pelaburan yang ada di negeri ini kepada pelabur-pelabur asing. Bagi tahun 1995 MITI telah mengadakan lapan misi penggalakan pelaburan ke China; Amerika Syarikat; United Kingdom dan Australia dan Korea Selatan dan Jepun; India; Argentina, Chile, Brazil dan Colombia; Perancis dan Sepanyol; Jepun, Taiwan dan Hong Kong.

Bagi tahun ini pula, MITI merancang enam misi penggalakan pelaburan ke Amerika Syarikat; Australia; Hungary; Romania; Republik Czech dan Poland; Hong Kong dan Jepun, Jerman, Switzerland dan United Kingdom; dan Amerika Syarikat (di tempat-tempat yang berlainan) dengan fokus diberikan bagi menggalakkan pelaburan dan industri-industri berteknologi tinggi, berintensif modal dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi memandangkan negara kita tidak mampu menerima pelaburan yang berinsentif buruh.

Bagi pelaburan dalam negeri atau pelaburan domestik pada masa yang akan datang, MITI telah mengambil beberapa langkah seperti menggalakkan dan membangunkan pelaburan domestik di dalam sektor pembuatan melalui peruntukan-peruntukan pinjaman mudah. Di samping itu kerajaan juga menyediakan beberapa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1987.

Pada tahun 1995, lima seminar telah diadakan iaitu di Alor Setar, Kota Bharu, Kuantan, Seremban dan Johor untuk menerangkan insentif-insentif ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini empat Seminar Pelaburan Domestik akan diadakan di Ipoh, Melaka, Kuala Terengganu dan Kuching.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada berbilion-bilion pelaburan asing yang masuk ke Malaysia, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian sama ada kementerian mengenal pasti apakah jenis pelaburan yang perlu pelabur-pelabur luar laburkan di Malaysia, kerana didapati ada juga pelabur-pelabur luar yang melabur di Malaysia dan ini berlawanan atau bersaing dengan pelabur-pelabur tempatan dan ini akan merugikan pelabur-pelabur tempatan? Adakah kementerian juga memastikan bahawa bahan-bahan yang digunakan itu adalah bahan-bahan daripada tempatan supaya ia akan dapat mengurangkan defisit akaun negara.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memang mempunyai satu senarai perindustrian yang digalakkan, cuma industri-industri yang digalakkan itu dibenar atau dilulus untuk melabur di Malaysia. Oleh sebab itu kita anggap tidak ada apa-apa yang melanggar atau bercanggah dengan kepentingan industri tempatan. Sekiranya ia berlaku, kementerian ini akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelesaikan perkara ini dan untuk industri tempatan, industri komponen atau SMI kementerian ini menggalakkan industri IKS ini supaya menjadi satu vendor atau satu industri sokongan kepada industri-industri yang penting ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah

pengagihan pelaburan yang beliau sebutkan tadi di antara negeri-negeri. Manakah negeri yang dapat menarik pelaburan yang paling besar dan manakah yang paling kecil? Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengimbangi pelaburan ini supaya semua rakyat Malaysia dapat menikmati pelaburan asing dan tidak hanya tertumpu kepada satu dua negeri sahaja?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan ini adalah kriteria-kriteria tersendiri untuk menentukan sama ada dia hendak melabur di negeri ini atau negeri itu. Kementerian saya cuma boleh memberitahu segala maklumat dan galakan kepada mereka. Ini terpulanglah kepada mereka yang menentukan sama ada ke mana ia hendak pergi. Itu sahaja.

RISDA/FELCRA/FELDA— PENGKORPORATAN

4. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan apakah rasional di sebalik keputusan untuk mengkorporatkan agensi-agensi seperti RISDA, FELCRA dan FELDA:

- (a) berapakah jumlah pekebun-pekebun kecil yang akan terlibat; dan
- (b) apakah bentuk kemudahan-kemudahan yang akan ditarik balik.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan belum buat keputusan untuk mengkorporatkan RISDA, FELCRA atau FELDA.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peneroka-peneroka tanah rancangan tersebut mempunyai hak sama ada milik ataupun sebagainya daripada usaha yang dilakukan oleh mereka dalam meneroka

tanah-tanah rancangan itu. Apakah langkah yang diambil untuk mengambil kira bagi memberi hak-hak mereka setakat ini?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham soalan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah tindakan yang diambil untuk memberi hak-hak kepada peneroka-peneroka ini?

Dr. Goh Cheng Teik: Seperti saya jawab tadi, kerajaan belum buat keputusan untuk mengkorporatkan agensi yang disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya, adakah bagi hak, umpamanya surat-surat, keterangan tanah, plan title dan sebagainya?

Dr. Goh Cheng Teik: Tentu mengikut peraturan yang sedia ada. (*Ketawa*)

PERJUDIAN HARAM OLEH KELAB REKREASI DI SABAH— TINDAKAN

5. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah tindakan kementerian terhadap kelab-kelab rekreasi yang menjalankan kegiatan perjudian tanpa lesen terutamanya di Sabah termasuk di Libaran dan berapa banyakkah kelab-kelab rekreasi dari negeri Sabah dan seluruh negara yang telah didakwa pada tahun 1995 kerana menjalankan kegiatan perjudian haram di premis mereka; dan
- (b) negeri manakah dalam Malaysia yang paling banyak diluluskan lesen perjudian berbanding dengan jumlah penduduknya dan per kapita pendapatan mereka serta

apakah rasionalnya kelulusan tersebut diberi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, kelab-kelab rekreasi yang menjalankan kegiatan perjudian tanpa lesen adalah melanggar undang-undang seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Loteri 1952. Mereka boleh didakwa di mahkamah dan sekiranya didapati bersalah boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun dan/atau denda sebanyak dari RM5,000 hingga RM50,000 mengikut akta-akta tersebut. Tindakan ke atas kelab-kelab rekreasi yang menjalankan kegiatan perjudian haram dilakukan oleh pihak polis dan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan.

Bagi tahun 1995, mengikut perangkaan Jabatan Polis Diraja Malaysia, sebanyak 31 kelab telah diambil tindakan di seluruh Malaysia berkaitan dengan kegiatan perjudian haram, di mana dua buah kelab daripadanya adalah dari negeri Sabah.

Negeri yang paling banyak terdapat kelab rekreasi yang dilesenkan aktiviti mesin perjudian ialah Sabah. Ini adalah merupakan satu sambungan ke atas kelulusan lesen yang diberi oleh kerajaan negeri sebelum 1993.

Sukacita saya memaklumkan sekali lagi kepada Dewan yang mulia ini, adalah menjadi dasar kerajaan sekarang ini untuk tidak memberi lesen perjudian yang baru. Bahkan kerajaan sedang berusaha untuk mengurangkan dan mengawal aktiviti perjudian ini termasuk menutup atau membatalkan lesen judi premis yang berkenaan sekiranya mereka melanggar syarat lesen.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk membatalkan lesen perjudian Syarikat Genting, Magnum, Sports Toto dan Pan-Malaysia?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian Kewangan menyasat dakwaan kononnya sebilangan besar mesin judi di Sabah adalah diberikan kepada pengusaha-pengusaha yang berkait rapat dengan parti pembangkang di Sabah?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairan oleh kerana lesen yang dikeluarkannya adalah di dalam zaman pemerintahan Kerajaan PBS.

SYARIKAT KERETA/ MOTOSIKAL NASIONAL— PENGELUARAN

6. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kedudukan ketiga-tiga syarikat kereta nasional serta syarikat motosikal nasional. Apakah pengeluaran setahun setiap syarikat. Bilangan jenis kereta dan motosikal dijual di dalam dan luar negara. Apakah insentif-insentif cukai yang diberi kepada syarikat-syarikat tersebut. Apakah peratusan isi kandungan untuk komponen-komponen tempatan. Setakat manakah kejayaan telah dicapai untuk industri hilirannya.

8.4.1996

11. Tuan Jimmy Donald minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan keuntungan yang dapat dinikmati oleh negara dari pengeluaran kereta yang ke-3 dan sama ada harga kereta itu nanti akan mempunyai harga yang sama di seluruh negara supaya semangat kebangsaan dan kekitaan dapat diwujudkan.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sri Aman pada 8hb. April 1996 kerana perkara yang ditimbulkan adalah saling berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran kereta oleh Syarikat Proton dijangka akan mencapai 180,000 unit setahun menjelang akhir tahun ini, manakala bagi pengeluaran kereta Satria ianya dijangka mencapai 30,000 unit setahun. Bagi pengeluaran kereta oleh Syarikat Perodua pula, pengeluarannya dijangka akan mencapai 60,000 unit setahun menjelang akhir tahun ini. Untuk projek motosikal nasional oleh Syarikat Modenas pengeluaran pertamanya dijangka akan dimulakan pada penghujung tahun ini. Mengikut perancangan, pengeluaran motosikal akan mencapai 100,000 unit setahun menjelang tahun kedua pengeluarannya.

Berkaitan dengan bilangan kereta yang dijual di dalam dan di luar negara, kedudukannya adalah seperti berikut:

- (i) bagi kereta Proton dari sejumlah 153,969 unit yang dikeluarkan pada tahun 1995, 19741 unit telah dieksportkan:
- (ii) bagi kereta Satria sejumlah 7,819 unit telah dikeluarkan pada tahun 1995 dan hanya memulakan eksport percubaan ke United Kingdom pada awal tahun ini:
- (iii) bagi kereta Perodua, sejumlah 40,365 unit telah dihasilkan pada tahun 1995 dan eksport pertamanya sejumlah 10 unit telah dimulakan pada awal tahun ini ke Brunei; dan
- (iv) bagi projek motosikal Modenas pula, ianya belum mempunyai perancangan eksport yang terperinci tetapi bercadang untuk mengeksport 30% dari pengeluarannya.

Berhubung dengan insentif pelaburan pula, insentif-insentif yang diberikan bagi

projek-projek kereta nasional adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat Proton telah mendapat 70% elaun cukai pelaburan;
- (ii) Syarikat Perodua pula diberi galakan yang sama pada kadar 60%;
- (iii) Syarikat Usahasama Proton-DRB tidak mendapat insentif pelaburan bagi projek Satria; dan
- (iv) Syarikat Modenas belum ditetapkan insentif pelaburannya.

Berkaitan dengan duti eksais dan cukai import pula kelulusan yang diberikan adalah seperti berikut:

- (i) bagi kereta Proton, diluluskan pengecualian sepenuhnya duti eksais dan cukai import untuk lima tahun, selepas itu dikenakan 50% duti eksais ke atas semua model dan pada kadar 13% bagi cukai import ke atas komponen "completely knocked down" (CKD), dengan izin;
- (ii) bagi kereta Satria ianya diberi pengecualian duti eksais dan cukai import sepenuhnya sepertimana diberi semasa pelaksanaan projek Proton;
- (iii) bagi kereta Perodua ianya diberi pengecualian cukai import dari dikenakan 50% duti eksais untuk model Eksekutif, manakala bagi model biasa dikecualikan; dan
- (iv) bagi projek motosikal oleh Modenas, duti eksais dan cukai import yang akan diberikan belum ditetapkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peratus pencapaian kandungan tempatan kedudukannya adalah seperti berikut:

- (i) bagi Proton Iswara dan Wira, tahapnya adalah tidak kurang daripada 75 peratus, manakala

bagi model Perdana ianya adalah lebih kurang 50 peratus:

- (ii) bagi kereta Satria pula, tahapnya telah mencapai tahap tidak kurang daripada 60 peratus;
- (iii) bagi kereta Perodua ianya telah mencapai paras tidak kurang daripada 50 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan projek-projek kereta nasional telah berjaya mewujudkan pelbagai jenis industri hiliran dalam bentuk pengeluaran komponen dan peralatan serta industri perkhidmatan sokongan. Namun demikian, usaha-usaha perlu diteruskan untuk memastikan bahawa kita juga akan menghasilkan sendiri komponen-komponen kecil dengan harga yang lebih murah dan aktiviti ini akan menjamin kedudukan industri kereta nasional terus kompetitif.

Pembangunan projek kereta nasional juga banyak memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi negara. Ianya telah dapat meningkatkan kepakaran dan kemahiran teknikal di kalangan rakyat tempatan untuk mengeluarkan barang-barang dan komponen-komponen yang dahulunya di import.

Berkaitan dengan harga jualan bagi kereta nasional, inginlah saya maklumkan bahawa harga kereta-kereta ini adalah sama bagi seluruh negara kecuali bagi Sabah dan Sarawak di mana terdapat sedikit perbezaan harga setelah mengambilkira kos pengangkutan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang kita mesti mewujudkan industri hiliran yang bermutu tinggi serta berkembang pesat untuk memperkembangkan industri-industri kereta nasional ini, tetapi, berapakah bilangan perlu di eksport terutamanya kepada pasaran yang terbesar di dunia, Amerika Syarikat. Berapakah

bilangan perlu di eksport tiap-tiap tahun untuk memastikan industri-industri ini viable? Kerana kita tidak mempunyai pasaran yang besar, cuma 20 juta orang sahaja dan itu pun cukup sesak sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan sudah cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu baru satu soalan, dua soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja Yang Berhormat. Sila jawab Yang Berhormat.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini industri automobil di Malaysia masih menghadapi kekurangan kapasiti untuk mengeluarkan kereta-kereta bagi memenuhi keperluan rakyat Malaysia. Oleh sebab ini, berapa bilangan perlu di eksport perlu menjadikan industri ini viable, tidak timbul.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa harga kereta nasional yang di eksport adalah lebih murah dari harga tempatan, jika ya, apakah justifikasinya.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah benar, tetapi soalan ini sudah dikemukakan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab perbezaan adalah seperti berikut:

- (i) bagi maksud untuk menapak di pasaran luar negara;
- (ii) harga untuk bersaing secara berkesan dengan pengeluar-pengeluar lain yang telah lama menjalankan pengedaran mereka;
- (iii) harga yang ditawarkan adalah bebas dari semua cukai di negara-negara mengimport serta dibekalkan dengan aksesori-aksesori yang minimum;

- (iv) amalan penepatan harga yang kompetitif ini adalah di antara strategi utama yang digunakan oleh syarikat-syarikat antara-bangsa di luar negara.

TANAH RUNTUH— PERBELANJAAN MEMBAIKI JALAN RAYA

7. Tuan Noh bin Omar minta Menteri Kerja Raya menyatakan perbelanjaan yang telah digunakan oleh kerajaan untuk membaiki lebuhraya akibat dari kejadian tanah runtuh di sepanjang lebuhraya.

Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1982 hingga 1995 terdapat sebanyak 266 buah cerun besar yang telah runtuh atau tidak selamat di sepanjang Lebuhraya/Jalanraya Persekutuan di seluruh negara.

Peruntukan sebanyak RM593 juta telah dan akan dibelanjakan untuk kerja pembaikan, baik pulih dan pencegahan daripada runtuh. Dari amaun tersebut, sebanyak RM425.75 juta telah dibelanjakan. Dari jumlah keseluruhan peruntukan berkenaan sebanyak RM461 juta diperolehi dari peruntukan pembangunan dan RM132 juta dari peruntukan penyenggaraan khas. Sebanyak 166 cerun telah pun dibaiki manakala 100 buah cerun lagi sedang dalam kerja-kerja pembaikan.

Bagi lebuhraya yang telah pun diswastakan, semua kerja-kerja penyenggaraan termasuk kerja-kerja membaiki cerun-cerun lebuhraya yang runtuh dijalankan dan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat konsesi iaitu Plus Berhad. Tiada sebarang peruntukan wang kerajaan digunakan bagi kerja-kerja membaiki cerun-cerun lebuhraya. Sejak keseluruhan rangkaian Lebuhraya Utara/Selatan diambil alih oleh Syarikat Konsesi Plus Berhad pada tahun 1988.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah punca sebenarnya yang kita lihat banyak dan kerap berlaku runtuh-runtuhan di lebuh raya di negara kita ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masalah besar iaitu hujan lebat. (*Ketawa*) Yang kedua, iaitu tanah di negara kita bukan boleh diisytiharkan sebagai tanah yang sama sahaja kekuatan di mana-mana tempat. Jadi, banyak jalan telah dibuat atau bukit dipotong untuk membina jalan. Walaupun kita mengadakan beberapa siasatan tetapi lama-kelamaannya kawasan itu menjadi lebih lembek dan oleh kerana itu kita menghadapi banyak masalah. (*Ketawa*)

Satu lagi iaitu, walaupun kita ada juga membina parit di tepi jalan, tetapi banyak parit itu kena tutup dengan tanah dan juga kekotoran yang dibuang oleh pengguna jalan raya, inilah di antara masalah yang kita hadapi. Saya percaya, masalah ini tidak boleh dapat diselesaikan, tetapi kita boleh mengurangkan masalah ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, adakah pemotongan bukit atau cerun-cerun itu dibuat mengikut peraturan yang direkomen oleh EKTRAN, kerana kita lihat potongan bukit terlalu menegak, misalnya lebuh raya daripada sini ke Subang, kita boleh lihat potongan bukit itu, jika kita lalu pun takut. Adakah potongan bukit mengikut peraturan yang direkomen oleh EKTRAN ataupun pihak kontraktor tidak mengikut peraturan yang dikenakan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, semua pemotongan itu mengikut dengan reka bentuk yang dibuat oleh jurutera-jurutera yang mempunyai pengalaman dan juga pendidikan yang tinggi tetapi pada akhirnya setelah projek-projek itu disiapkan pun kita masih menghadapi masalah juga.

KEDUTAAN—KEPAKARAN KAKITANGAN BERTUTUR BAHASA KETIGA

8. Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilangan kakitangan di kedutaan dan misi diplomatik negara di luar negeri yang memiliki kepakaran bertutur dalam bahasa negara tetamu, selain dari bahasa Inggeris:

- (a) jika jumlah bilangannya kurang, adakah ketiadaan kepakaran tersebut menjejaskan usaha negara untuk bekerja rapat dengan kerajaan asing; dan
- (b) apakah langkah-langkah kementerian untuk mengambil usaha agresif untuk mendapatkan tenaga kerja yang boleh bertutur dalam pelbagai bahasa.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri memang ada sebahagian besar pegawai yang boleh berbahasa ketiga selain daripada Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan daripada sejumlah bilangan ini 20 daripada mereka telah ditempatkan di negeri-negeri di mana bahasa negara itu, bahasa tuan rumah bukan bahasa Inggeris.

Kita dapati tidak ada sebarang penjejasan terhadap kerja-kerja kita di luar negeri, walaupun tak semua pegawai-pegawai kita mempunyai bahasa yang ketiga. Dalam hal ini, kebanyakan negeri-negeri seperti Perancis misalnya, pegawai-pegawainya pun banyak yang berbahasa Inggeris dan juga pihak swasta pun, ketua-ketua swasta pun juga berbahasa Inggeris, jadi tidak ada masalah selama ini.

Di samping itu juga kedutaan-kedutaan kita di luar negeri sentiasa menggunakan khidmat pegawai-pegawai ambilan

tempatan yang ramai juga bilangannya dan mereka ini boleh berbahasa bahasa tempatan, dengan itu mereka adalah menjadi pembantu yang berkesan kepada pegawai-pegawai kita dalam menjalankan tugas seharian mereka.

Untuk menjawab soalan yang kedua, kita ada dua cara bagaimana kita hendak meramaikan lagi pegawai-pegawai kita yang berbahasa ketiga iaitu, satu, semasa kita mengadakan pemilihan/pengambilan pegawai baru oleh SPA, kita mengutamakan pegawai yang ada bahasa ketiga selain dari bahasa Inggeris dan bahasa Melayu iaitu bahasa yang kita fikir sesuai untuk berkhidmat dalam perkhidmatan diplomatik kita.

Keduanya, bagi pegawai-pegawai yang telah un dipilih untuk berkhidmat dengan Kementerian Luar mereka juga dihantar ke institusi latihan dalam negeri seperti INTAN dan IDFL di mana mereka akan diberi latihan dalam bahasa-bahasa yang kita utamakan iaitu bahasa Inggeris, Sepanyol, Perancis, Arab, German, Itali, Jepun dan Russia. Terima kasih.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada langkah-langkah yang telah diambil seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin tahu adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi elaun khas kepada pegawai-pegawai kementerian yang mengetahui ataupun yang berkebolehan bertutur dalam bahasa yang ketiga?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kita sedang berfikir sekarang ini apakah insentif-insentif yang paling sesuai sekali untuk menggalakkan pegawai-pegawai kita mempelajari bahasa ketiga dan antara yang difikirkan sekarang ini ialah memberi satu peruntukan yang agak sesuai dan yang sewajarnya bagi membolehkan mereka mempelajari bahasa

ini terutama bagi pegawai-pegawai yang sedang berada di luar negeri. Kalau mereka berada di Mesir, misalnya, bagi pegawai-pegawai yang tidak tahu bahasa Arab, kalau mereka ada masa untuk mempelajari bahasa Arab semasa bertugas di Mesir itu kita akan fikirkan apakah insentif yang sebaik-baiknya untuk memberi galakan kepada mereka.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerja-kerja diplomat adalah kerja untuk menghubungkan negara dan juga untuk konteks peribadi yang dibuat begitu lama oleh seorang duta atau kakitangan kedutaan. Oleh itu, apakah kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan tempoh bekerja sehingga kesihatan mereka sesuai untuk mereka bekerja kerana kerja-kerja diplomat adalah berlainan daripada kerja-kerja pegawai kerajaan yang lain? Oleh itu, pengalaman mereka perlu disambung sehingga umur yang sesuai untuk mereka bersara, sebab konteks yang mereka buat di luar negeri itu, sesetengahnya begitu baik dan khidmat mereka perlu disambung, tidak semestinya 55 tahun ataupun dilanjutkan lagi 2 tahun.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi suatu dasar kita pada waktu ini, iaitu jika kita mendapati seseorang pegawai itu baik, cekap, berkesan kerjanya dan jika sekiranya kesihatannya pun juga baik untuk meneruskan khidmat, jadi, biasanya kita memberi lanjutan secara kontrak, apabila ia telah tiba masanya untuk bersara, iaitu 55 tahun bersara itu mestilah, itu tidak boleh dielak, tetapi selepas itu dia dipertimbangkan untuk lanjutan atas kontrak dan lanjutan itu boleh dibuat mengikut tempoh 2 tahun. Lanjutan pertama 2 tahun dan lanjutan kedua juga 2 tahun. Jadi, jarang yang lebih daripada 2 lanjutan yang kita berikan selama ini.

NELAYAN PANTAI— PENYERAGAMAN PERMIT

9. Dato' Haji Hanafi bin Ramli minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan berhasrat hendak menyeragamkan permit tangkapan ikan di kalangan nelayan pantai, persisiran pantai dan laut dalam bagi membolehkan nelayan-nelayan terutamanya nelayan pantai mendapat hasil tangkapan yang lebih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah kurang jelas. Mungkin Yang Berhormat bermaksud sama ada kerajaan berhasrat untuk membenarkan semua nelayan termasuk nelayan komersil untuk beroperasi di mana-mana kawasan perairan perikanan dengan tidak mengikut sistem zon seperti yang ada sekarang. Sistem zon diperairan laut adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan nelayan pantai daripada persaingan nelayan-nelayan komersil yang lebih besar.

Kementerian tidak bercadang untuk menghapuskan sistem zon yang sedia ada dan menghadkan penangkapan ikan oleh kumpulan nelayan dizonkan mengikut keupayaan-keupayaan dalam usaha-usaha menangkap ikan masing-masing. Kawasan rapi yang dikesan bagi usaha-usaha penguatkuasaan dijadikan tumpuan utama Kementerian Pertanian dan Jabatan Perikanan untuk memastikan sistem zon ini sentiasa dipatuhi dan diamalkan oleh kesemua kumpulan nelayan.

Sistem zon ini terbahagi kepada 4 zon iaitu Zon A—dari pantai ke lautan luas yang dihaskan kepada nelayan tradisi. Zon B—dari pantai 5 batu ke lautan luas nelayan komersil yang mengusahakan di sini ialah vessel kurang daripada 40 grt. Zon C—lebih jauh daripada 12 batu nautika dari pantai; Vessel komersil yang beratnya 40 grt ke atas. Zon C (2) lebih

daripada 30 batu dari pantai, vessel komersil lebih daripada 70 grt ke atas.

Sekiranya kegiatan-kegiatan menangkap ikan tidak disyaratkan sedemikian, bot-bot yang besar dan komersil akan beroperasi dalam kawasan nelayan pantai dan ini akan menyebabkan persaingan antara nelayan komersil dan nelayan-nelayan kecil dan mungkin akan melibatkan konflik di antara nelayan kecil dan nelayan komersil. Agihan-agihan kepada zon-zon adalah berdasarkan daripada sumber-sumber yang ada dan ini adalah berasaskan kepada saiz vessel, jenis peralatan menangkap ikan dan ini adalah bagi memastikan supaya bidang perikanan diterokai dalam tahap yang mampan dan berkekalan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, orang kata Batang Lupar tidak ada ikan, buaya pun ada. Kawasan Batang Lupar adalah kawasan nelayan tradisional di Sarawak yang terbesar sekali—untuk rekod. Jadi, soalan saya ada hubungkait yang rapat dengan persoalan yang dibangkitkan pada asalnya iaitu pada masa sekarang perikanan di laut dalam kita ada B dan C. Kawasan A adalah tempat golongan nelayan tradisional. Jadi, mereka ini menggunakan perahu-perahu kecil dan cara tangkapan tradisional. Jadi, soalan saya adakah kerajaan bercadang supaya semua nelayan-nelayan tradisional diberi satu lesen bebas untuk menangkap di mana sahaja dengan tidak ada condition, oleh kerana mereka dicondition oleh keadaan perahu dan perkakas yang digunakan supaya tangkapan dan perolehan mereka lebih banyak dan lebih lumayan lagi. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya telah menjawab bahawa Zon A adalah dari pantai ke lautan luas yang dihaskan untuk nelayan tradisi dan mereka berhak menangkap ikan.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan nelayan pantai dan pukut tunda dan sebagainya, soalan saya ialah, adakah kerajaan bercadang untuk meminda Akta Perikanan bagi mengurangkan hukuman berat bagi kesalahan nelayan, terutamanya dengan merampas bot dan peralatan nelayan, kecuali bot-bot nelayan yang menggunakan awam-awam asing?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Buat masa sekarang pihak kementerian tidak bercadang hendak meminda. Terima kasih.

PELAJAR DIJANGKITI AIDS/ HIV—LANGKAH MENGATASI

10. Dato' Sng Chee Hua minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah pelajar yang menghidap Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) di seluruh negara. Difahamkan kira-kira 500 pelajar (Laporan Akhbar Berita Harian, 24/1/96) termasuk pelajar perempuan berusia 14 tahun mengidap sindrom itu di seluruh negara. Bagaimanakah pelajar-pelajar terabit boleh dijangkiti sindrom ini.

2.4.96

13. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah benar laporan yang menyatakan 500 pelajar telah dikenal pasti oleh Kementerian Kesihatan sebagai pengidap sindrom kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS); dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kementerian bagi memastikan masalah ini tidak meningkat dan apakah pelajar-pelajar terabit ini sedang diberi kaunseling.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua soalan yang menyentuh isu jangkitan AIDS dan HIV di kalangan pelajar. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya, pertama sekali ialah Yang Berhormat dari Julau dan seorang lagi Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu. Jadi, saya mohon untuk menjawab kedua-dua soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan menyedari akan hakikat tiadanya vaksin bagi mengubati penyakit AIDS dan bersependapat dengan Kementerian Kesihatan bahawa usaha pencegahan melalui pendidikan dan penyebaran maklumat menjadi fokus utama dalam usaha menangani jangkitan HIV dan penyakit AIDS.

Usaha pendidikan pencegahan HIV dan AIDS terhadap para pelajar dibuat secara formal dan tidak formal, manakala penyebaran maklumat mengenai HIV dan AIDS meliputi para pelajar, guru dan kakitangan sekolah.

Antara usaha-usaha Kementerian Pendidikan untuk menangani masalah tersebut ialah:

- (i) mengadakan ceramah HIV dan AIDS di sekolah oleh penceramah jemputan dari Kementerian Kesihatan;
- (ii) menyediakan kit pendidikan pencegahan AIDS mengandungi pita video dan panduan bagi guru-guru;
- (iii) mengelola bengkel dan seminar bagi guru-guru berkaitan dengan pendidikan pencegahan AIDS serta menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran tentang AIDS.

Berdasarkan maklumat Kementerian Kesihatan yang terkini, sebanyak 33 kes jangkitan HIV di kalangan penduduk berumur 13 tahun ke bawah dan sebanyak 647 kes jangkitan di kalangan penduduk berumur di antara 13 hingga 19 tahun.

Kementerian Pendidikan telah mendapatkan pengesahan daripada Kementerian Kesihatan, hanya 13 pelajar yang dikenal pasti dijangkiti HIV dan AIDS, manakala jumlah selebihnya adalah remaja yang bekerja dan terkeluar daripada sistem persekolahan.

Masalah jangkitan HIV dan AIDS ini berpunca daripada berbagai faktor. Antaranya ialah;

- (i) jangkitan HIV dari transfusi bahan darah;
- (ii) mewarisi jangkitan HIV daripada ibu bapa; dan
- (iii) amalan gaya hidup yang tidak sihat seperti penggunaan dadah dan seks rambang.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah pelajar-pelajar yang mengidap AIDS ini, khususnya 13 pelajar yang dikatakan masih belajar di sekolah masing-masing dan apakah tindakan-tindakan yang dibuat supaya pelajar-pelajar ini tidak menjadi pengancam kepada keselamatan kesihatan pelajar-pelajar lain?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, daripada 13 yang disahkan itu, cuma 3 orang murid sahaja lagi yang masih berada di dalam sistem persekolahan kita. Yang lain-lain itu sudah berhenti sekolah ataupun sudah remaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, fakta yang telah pun diketengahkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan dan telahpun disuarakan di

akhbar pada minggu yang lalu, ini adalah satu realiti yang harus diterima. Jadi dalam hal ini, saya bertanya kepada Kementerian Pendidikan, adakah pihak Kementerian Pendidikan hanya mahu mengadakan kempen deterrent ataupun pencegahan ini hanya di kalangan murid-murid sekolah ataupun lebih wajar sekiranya dibabitkan ibu bapa sendiri menerusi rangkaian Persatuan Ibu Bapa dan Guru?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita memandang serius perkara ini dan cara-cara dan kaedah-kaedah yang hendak kita rebakkan tentang makluman dan juga cara-cara memberikan kefahaman dan kesedaran yang lebih meningkat di kalangan semua pihak memanglah kita ambil kira peranan setiap jentera yang ada, termasuklah Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, Jawatankuasa Permuafakatan dan badan yang kita fikirkan sesuai untuk digerakkan secara menyeluruh, bukan sahaja setakat untuk memberikan kesedaran, tetapi dalam usaha bersama-sama untuk mencegah perkara ini daripada merebak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan.

(Soalan No. 11—Y.B. Datuk Joseph Pairin Kitingan tidak hadir)

INSTITUT LATIHAN PEKERJA, SARAWAK—PEMBINAAN

12. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilakah kerajaan akan membina Institut Latihan Pekerja (ILP) di Sarawak dan berapakah bilangan ILP di seluruh negara. Sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi sijil kepada pekerja-pekerja dan juga kontraktor-kontraktor dan subkontraktor-subkontraktor sebelum mereka diberi kontrak untuk membuat sesuatu projek.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan membina sebuah Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Tapak bagi penubuhan ILP tersebut sudah pun dikenalpasti dan kini urusan pengambilan tanah sedang dijalankan.

Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia masa kini mempunyai 10 buah ILP di seluruh negara dan sebuah Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan atau dengan izin, Centre for Instructors and Advanced Skills Training (CIAST) di Shah Alam.

Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau dengan izin, Construction Industry Development Board (CIDB) di bawah Kementerian Kerja Raya sebagai langkah awal telah mula mendaftarkan pekerja-pekerja mahir binaan dan penyelia tapak binaan.

Sementara itu, satu sistem akreditasi untuk memberi pengiktirafan kepada golongan pekerjaan berkenaan sedang digubal. Ini adalah selaras dengan kehendak Akta CIDB 1994 yang berkuatkuasa mulai 20 Julai 1995.

Bagi golongan kontraktor pembinaan pula, CIDB juga telah memulakan proses pendaftaran dan ianya lebih bersifat perlesenan untuk membolehkan sesebuah syarikat menjalankan kerja-kerja binaan. Semua kontraktor atau pembina yang beroperasi sekarang diperlukan berdaftar dengan CIDB sebelum 19 Julai 1996, iaitu genap satu tahun dari tarikh kuatkuasa Akta CIDB 1994. Setelah berdaftar, mereka akan diberi Sijil Pendaftaran mengikut kelas kelayakan bersesuaian dengan mereka.

Kontraktor atau pembina yang menjalankan kerja-kerja binaan, tanpa

Sijil Pendaftaran CIDB selepas tempoh tersebut telah melanggar peruntukan Akta CIDB dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Ini dengan sendirinya bererti kontraktor atau pembina perlu ada Sijil Pendaftaran CIDB untuk menjalankan sebarang projek, termasuk projek-projek kerajaan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, CIDB adalah terletak di bawah naungan Kementerian Kerja Raya.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah sekarang ialah dengan subkontraktor sebab kebanyakan subkontraktor tidak dapat menyiapkan sesuatu projek oleh kerana tidak ada kepakaran tertentu. Jadi, sama ada kerajaan mempunyai polisi untuk memberi sesuatu certificate, sama ada subkontraktor tersebut belum diberikan pakar atau tidak.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, perkara ini akan dikendalikan oleh CIDB.

PUSAT SERENTI—KES PELARIAN PELATIH

13. Dato' Hon Choon Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kes pelarian pelatih di Pusat-pusat Serenti sejak 1995; dan
- (b) Sebab-sebab pelarian dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kes pelarian pelatih-pelatih Pusat Serenti sejak tahun 1995 adalah seperti berikut:

1995 —3,844 orang
 1996 (sehingga —1,565 orang
 (15 Mac)
 Jumlah: —5,409 orang

(b) Sebab-sebab berlakunya pelarian, antaranya ialah:

- (i) kesesakan pelatih di Pusat-pusat Serenti;
- (ii) kekurangan kakitangan;
- (iii) tarikan untuk memenuhi ketagihan dadah di kalangan pelatih-pelatih;
- (iv) peningkatan bilangan pelatih-pelatih tegar yang telah berulang kali masuk ke pusat;
- (v) tidak dapat menyesuaikan diri dari program dan disiplin yang ketat di Pusat Serenti; dan
- (vi) keinginan bersama keluarga, terutamanya di hari-hari ataupun musim perayaan.

Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini adalah:

- (i) membuka 5 buah Pusat Serenti baru dan membesarkan 2 buah lagi Pusat Serenti yang sedia ada untuk mengurangkan kesesakan.
- (ii) mengklasifikasikan pusat serenti mengikut kategori penagih-penagih untuk memudahkan penyusunan program dan modeliti pemulihan sesuai dengan kategori tersebut;
- (iii) menambahkan pengambilan kakitangan dan pegawai-pegawai keselamatan;
- (iv) memperketatkan kawalan ke atas gerakan dan gerak-geri pelatih;

- (v) mempelbagaikan dan memperbanyakkan kegiatan-kegiatan pemulihan di dalam pusat serenti; dan
- (vi) mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas mana-mana pelatih yang melarikan diri dari pusat-pusat serenti.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu tentang pelatih-pelatih di pusat serenti, baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri 1 Kementerian Dalam Negeri telah menyatakan dalam akhbar kekecewaan beliau bahawa latihan-latihan dan kursus-kursus yang diadakan di pusat latihan ataupun pusat serenti ini tidak begitu berkesan dan tidak memuaskan.

Jadi, adakah usaha-usaha lain yang dirancang oleh pihak kementerian bagi memberi lebih kesan kepada latihan-latihan kepada pelatih-pelatih ini dan...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah ya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ulasan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu rakan saya adalah merangkumi banyak perkara yang sangat luas. Ianya bukan hanya terhad kepada pusat-pusat serenti.

Langkah-langkah yang saya telah sebutkan tadi adalah untuk dari segi rawatan dan pemulihan. Selain dari itu, bagi mencegah ataupun usaha anti dadah kebangsaan, memang baru-baru ini Kementerian Dalam Negeri telah mengambil sikap yang sangat serius telah menubuhkan Agensi Dadah Kebangsaan di mana kita telah menyatukan ataupun menjadikan ketiga-tiga jabatan utama iaitu Pasukan Petugas Khas Antidadah, Jabatan Narkotik Polis Diraja dan Bahagian

Rawatan dan Pemulihan, semuanya di bawah satu Agensi Dadah Kebangsaan dan kita juga tubuh satu Majlis Dadah Kebangsaan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri untuk mengenakan langkah-langkah yang lebih berkesan supaya semua agensi dapat bergerak secara bersepadu supaya tidak ada usaha bertindih dan juga untuk mengatasi sebarang kekurangan. Kami yakin dengan beroperasi ataupun kuatkuasanya agensi ini sepenuhnya, banyak masalah yang timbul pada satu ketika itu boleh dikurangkan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, daripada 5,409 orang pelatih yang telah lari adakah rekod yang menunjukkan daripada jumlah berkenaan yang membawa HIV positif yang telah lari dan adakah Kementerian sedar bahawa mereka yang telah lari ini disebabkan oleh masalah pentadbiran dalaman pusat serenti dan adakah Kementerian sedar juga....

Tuan Yang di-Pertua: Tiga soalan itu. Cukuplah Yang Berhormat. Dua cukuplah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sejauh pengetahuan saya mereka yang terlibat melarikan diri ini adalah tidak terdiri daripada penagih yang ada HIV dan pentadbiran dalaman memang bukan sebab utamanya kebanyakan pelarian adalah seperti apa yang telah saya terangkan tadi. Tetapi walau bagaimanapun, pihak pentadbiran juga telah mengesan beberapa kakitangan yang telah pun menjalankan tugas pada pendapat awalan kami ialah mereka mungkin telah melakukan sesuatu yang tidak ikut peraturan. Maka kira-kira sepuluh orang kakitangan itu telah pun buat sementara dihentikan daripada menjalankan tugas daripada apa yang mereka ditugaskan sementara menunggu laporan siasatan terperinci supaya tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 11 dan 14 hingga 36 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

*Surat Layang Mengkritik Para
Hakim—Penyiasatan*

3.37 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mendapat suatu kebenaran Dewan yang mulia ini, untuk mengusulkan bahawa persidangan Dewan ini ditangguhkan untuk tujuan membincangkan satu perkara yang mustahak yang berunsurkan kepentingan awam dan usul saya berbunyi:

“Bahawa Dewan yang mulia ini memberi kebenaran kepada Yang Berhormat Karpal Singh, Ahli Dewan Rakyat Jelutong untuk tujuan membincangkan satu perkara yang mustahak iaitu surat layang yang telah muncul baru-baru ini yang mengkritik para hakim dan yang telah pun menggoncang suatu bentuk pentadbiran penghakiman asas yang kukuh dalam negara ini.

Perkara tersebut adalah penting di mana walaupun surat layang tersebut tidak mempunyai nama penulis tetapi Peguam Negara telah mengarahkan penyiasatan polis dimulakan. Peguam Negara telah menyatakan bahawa penyiasatan polis akan meliputi pernyataan rasuah yang telah dibuat

terhadap hakim-hakim yang khusus dan bukan setakat orang yang menulis. Peguam Negara telah memilih untuk menggunakan perkataan-perkataan yang menghina seperti "rotten apples in the basket", dengan izin, Tuan Speaker.

Peguam Negara telah menyatakan bahawa penyiasatan tersebut adalah pertama kali seumpama ini dilakukan dalam negara ini yang akan dijalankan di bawah Seksyen 31(c) Akta Hasutan 1948. Perkara tersebut adalah suatu kepentingan awam memandangkan badan kehakiman merupakan satu sudut penting dalam doctrine of separation of powers, dengan izin, dalam mana negara ini ditadbir. Seperti isteri Caesar, badan kehakiman mesti mengatasi sebarang keraguan. Penghantaran secara meluas kedua-dua surat layang tersebut bukan sahaja membangkitkan perhatian luas dan ketenteraman dalam negara ini tetapi juga boleh menggoncang kepercayaan yang telah diwujudkan, jikalau Dewan yang mulia ini gagal dengan serta merta membincangkan perkara ini.

Dewan tidak harus memandangkan kedudukan perkara ini yang amat membimbangkan menunggu sehingga penyiasatan polis selesai. Di masa-masa yang lampau, surat layang tidak digunakan sebagai asas untuk penyiasatan polis. Peguam Negara buat pertama kali telah berpendapat bahawa situasi ini memerlukan tindakan.

Begitu juga, Dewan yang mulia ini patut menunjukkan perhatian beratnya ke atas perkara ini dengan menangguk Dewan untuk tujuan membincangkan perkara yang telah meletakkan badan kehakiman dalam satu situasi di mana ianya menekankan doctrine of separation of powers. Kedudukannya telah mengakibatkan kemerosotan di mana penyiasatan polis sahaja tidak mencukupi. Kedudukan memerlukan suatu pertimbangan yang

sewajarnya oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Jelutong pada 25 Mac, 1996 jam 2.39 petang.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan.

Pada fikiran saya perkara seperti ini tidaklah sepatutnya berlaku. Institusi Kehakiman hendaklah dihormati, disanjung tinggi oleh seluruh rakyat. Segala usaha hendaklah diambil untuk meninggikan martabat kehakiman, bukannya untuk mencemar namanya dan menghينanya sehingga menghakiskan kepercayaan orang ramai terhadapnya.

Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Jelutong tadi, Peguam Negara berpendapat perkara ini memerlukan tindakan. Setahu saya Peguam Negara telah mengambil tindakan yang tegas. Siasatan sedang dibuat. Siasatan ini dibuat di atas sokongan kesemua pihak. Pada fikiran saya biarlah beliau diberi peluang menjalankan tugas.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. (*Tepuk*)

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
ANGKATAN TENTERA
(PINDAAN) 1996**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan.”
(*26hb. Mac 1996*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong sila sambung ucapan.

3.42 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, apa yang paling merunsingkan adalah pandangan pihak pembangkang dan pandangan golongan yang tidak sependapat dengan kerajaan yang dikeluarkan di dalam Dewan Rakyat ataupun di luar Dewan Rakyat nampaknya semakin tidak dapat ditoleransi oleh Kerajaan Barisan Nasional walaupun ia telah menang majoriti lima per enam di dalam Parlimen.

Kini, kita telah melihat bagaimana Ahli Parlimen Bukit Bintang yang dipilih oleh para pengundi melalui cara yang sah telah kehilangan kelayakannya dan seorang calon yang ditolak oleh pengundi pula mengambil tempat beliau berikutan dengan keputusan mahkamah yang menentukan begitu dan ini telah merebut hak demokratik asas para pengundi Bukit Bintang untuk memilih wakil mereka sendiri.

Seorang lagi Ahli Parlimen DAP, Ahli Parlimen untuk Kota Melaka juga menghadapi kemungkinan kehilangan kelayakan sebagai Ahli Parlimen kerana beliau kini sedang dibicarakan di bawah Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, atas dakwaan berita palsu yang melibatkan hukuman maksimum penjara 6 tahun, denda RM25,000 atau kedua-duanya sekali untuk dua-dua tuduhan.

Seorang lagi Ahli Parlimen DAP, Ahli Parlimen untuk Jelutong telah disiasat oleh pihak polis di bawah Akta Hasutan yang berhubung dengan satu rencana Asiaweek November lepas mengenai pertikaian sivil mengenai urusan niaga sebidang tanah yang melibatkan Yang

di-Pertuan Agong masa kini. Adakah Yang Berhormat daripada Jelutong akan menjadi Ahli Parlimen DAP yang seterusnya didakwa di bawah Akta Hasutan.....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih. Adakah Ketua Pembangkang rakan saya dari Tanjong bersetuju?

Pertama, melibatkan seorang Yang di-Pertuan Agong dengan satu perkara seperti ini di mana satu laporan ada dibuat oleh istana, ekoran satu artikel dalam *Asiaweek* dan dalam artikel itu beberapa tuduhan dan tohmahan ada dibuat ke atas Yang di-Pertuan Agong oleh seorang peguam Encik S. Shadevan. Peguam ini membuat tohmahan bahawa Yang di-Pertuan Agong ada menipunya, di mana dalam.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.....

Tuan R. Karpal Singh: ... ini apa yang ada di dalam *Asiaweek* Tuan Speaker.....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat tidak boleh berucap begitu, melanggar Peraturan 36, iaitu berkenaan dengan perkara-perkara yang bersangkutan sifat, kelakuan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tidak dapat dibincangkan.....

Tuan R. Karpal Singh: Baik, baik.

Tuan Yang di-Pertua: ... melainkan setelah ada satu usul persendirian.

Tuan R. Karpal Singh: Baiklah, Tuan Speaker, walaupun saya tidak bersetuju oleh kerana sekarang keadaan lain. Keadaan sudah berlainan apabila Perlembagaan dipinda, di mana seorang Raja boleh didakwa dalam mahkamah, peraturan-peraturan itu adalah out-dated.

Walaupun saya terima apa yang ada dinyatakan oleh Tuan Speaker tadi, tetapi adakah rakan saya dari Tanjong bersetuju dengan saya, perkara seperti ini haruslah tidak berlaku di mana seorang Raja terlibat dalam satu tuduhan, di mana beliau dipanggil seorang 'penipu'. Tetapi selain dari itu adakah rakan saya dari Tanjong bersetuju bahawa dalam perkara ini polis dalam negara ini membuat satu penyiasatan yang mendalam.

Saya difahamkan Tuan Speaker bahawa satu statement, pernyataan bahawa Seksyen 112 ada direkodkan daripada Yang di-Pertuan Agong. Ini adalah satu tanda baik, oleh kerana Raja-raja bukan mengatasi undang-undang. Oleh itu, adakah rakan saya dari Tanjong bersetuju dengan saya perkara ini harus disiasat dengan mendalam untuk menentukan siapa yang menipu, Yang di-Pertuan Agong atau pihak yang menuduhnya?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya setuju, tentulah dalam perkara ini pihak polis ada menjalankan siasatan yang sepatutnya dan dijalankan dengan adil dan dilihat sebagai adil. Oleh sebab itu, dalam latar belakang yang saya ada sifatkan isu-isu ini, saya ada kemukakan satu pertanyaan, adakah Yang Berhormat dari Jelutong akan menjadi Ahli Parlimen DAP yang seterusnya di bawah Akta Hasutan dan menghadapi kemungkinan hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen.

Di luar Parlimen isu di mana, Pengarah Tenaganita, Irene Fernandez ditangkap dan dituduh kerana secara niat jahat menerbitkan berita palsu yang berkaitan dengan memorandum Tenaganita Ogos lepas mengenai isu kematian dan layanan tidak berperikemanusiaan yang dihadapi oleh para pekerja tanpa izin di dalam Pusat Tahanan Imigresen merupakan satu lagi tanda bahawa kerajaan telah mengambil keputusan untuk bertindak keras terhadap mereka yang tidak sependapat.

Selepas memorandum Tenaganita dikeluarkan, saya telah membangkitkan isu ini melalui satu usul tergepar di Parlimen dan telah melawat ke Pusat Tahanan Imigresen Semenyih bersama-sama dengan enam orang Ahli Parlimen Pembangkang pada 13hb. Ogos 1995.

Selepas lawatan berkenaan, saya telah menyampaikan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri, keprihatinan saya mengenai 42 kematian dan antaranya 10 kes berkaitan dengan biri-biri di dalam kem tahanan Semenyih, sejak penubuhannya pada tahun 1993 yang merupakan angka yang terlalu tinggi, walaupun telah mengambil kira fakta bahawa kem ini telah mengendalikan 46,218 pendatang, antaranya 25,794 telah dibebaskan ataupun diberi kebenaran bekerja, 18,653 dihantar pulang ke negara mereka masing-masing, 195 kes dalam proses transit, 20 kes melarikan diri dan 42 kes kematian.

Saya telah mencadangkan supaya kerajaan melakukan penyiasaan yang menyeluruh ke atas kes-kes kematian yang begitu serius di dalam Pusat-pusat Tahanan Imigresen untuk menjaga nama baik Malaysia di arena antarabangsa.

Irene Fernandez bukan sahaja tidak harus dianggap sebagai seorang penjenayah, malah tindakan beliau yang menarik perhatian orang ramai terhadap masalah yang dihadapi oleh para pendatang tanpa izin, di pusat-pusat tahanan di negara ini

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tanjung Karang bangun, Yang Berhormat

Tuan Noh bin Omar: Hendak minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat

dari Tanjung, adakah kes Tenaganita ini sedang di dalam perbicaraan mahkamah atau pun telah selesai?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Yang Berhormat seorang peguam, dia patut tahulah, tak payah saya mengajar dia. Irene Fernandez bukan sahaja tidak harus dianggap sebagai seorang penjenayah, malah tindakan beliau yang menarik perhatian orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjung, adakah kes itu dalam mahkamah. Kalau dalam mahkamah, Yang Berhormat tak boleh sentuh.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak sebut kes mengenai substantive merit atau demerit.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat menyebut—nanti sekejap Yang Berhormat dari Tanjung Karang. Jikalau Yang Berhormat menyebutkan dia tidak patut dihadapkan di mahkamah, oleh sebab begini-begini. Itu di atas meritnya, sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Discussion mengenai menghadapkan seorang, bukan sama ada mengenai merit atau demerit kes itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Noh bin Omar: Saya memohon jasa baik dan kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua untuk menimbang sama ada ucapan yang sedang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong ini terbatas di bawah Peraturan 36(2).

Tuan Yang di-Pertua: Yalah. Saya telah membuat keputusan tadi, jika sekiranya ia menyentuh di atas merit, ya. Tetapi kalau sekiranya setakat tak patut dihadap ke mahkamah, itu boleh. Tetapi jikalau sekiranya menyebutkan dia tak bersalah dan sebagainya, itu tidak boleh, kerana itu adalah kuasa mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu bidang kuasa dan ruang-ruang itu. Apa yang saya mahu menegaskan dan kita patut mengakui ialah bahawa Irene Fernandez sudah buat ialah memberi negara kita satu peluang untuk membersihkan segala tanda hitam di atas rekod hak asasi manusia kita dan harus dipuji. Bukan dilayani sebagai seorang penjenayah. Nampaknya,.....

Tuan R. Karpal Singh: Sedikit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Ketua Pembangkang bersetuju bahawa trend yang wujud kini bukan mengenai Irene Fernandez sahaja, tetapi dalam kes Haslinda. Walaupun dalam mahkamah, tetapi ada sedikit kaitan dengan apa yang dinyatakan oleh rakan saya dari Tanjong tadi, di mana seorang saksi ada diugut apabila beliau memberi keterangan dalam mahkamah, satu impeachment proceeding ada dijalankan, keputusan impeachment proceeding itu belum dibuat, tetapi beliau diberkas, ditangkap dihadap dalam mahkamah. Adakah trend ini yang baik. Adakah trend ini oleh kerana ada beberapa nama, termasuk nama menteri-menteri dalam kes ini, termasuk nama yang sudah dibongkar, ada kaitan dengan kes itu dengan seorang perempuan yang ada memberi keterangan, iaitu Tun Hamid Omar, bekas Ketua Hakim Negara.

Adakah trend ini oleh kerana apabila sesuatu ada dibongkar bagi kepentingan orang ramai, tektik ini seperti yang ada digunakan atas Irene Fernandez ada

digunakan. Adakah rakan saya bersetuju dengan saya?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, memang trend ini sangat oppressive dan sangat tidak sihat. Saya harap bahawa mereka yang bertanggungjawab boleh kaji perkara semacam ini supaya trend ini tidak diteruskan. Nampaknya, oleh kerana trend ini kita ada satu inovasi dalam undang-undang, di mana dakwaan penerbitan berita palsu sekarang digunakan begitu kerap kali, dan nampaknya penerbitan berita palsu telah menjadi alasan satu fails, dengan izin, untuk menangkap dan mendakwa para Ahli Parlimen, pembangkang dan pengkritik kerajaan. Mengikut kadar ini, satu kelab boleh ditubuhkan untuk semua mereka yang didakwa di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan kerana menerbitkan berita palsu.

Sekiranya undang-undang adil terhadap semua orang tanpa mengira pangkat, parti politik ataupun kedudukan, saya percaya hampir semua menteri boleh didakwa di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan kerana menerbitkan berita palsu. Terutama sekali berdasarkan kenyataan-kenyataan yang mereka lemparkan terhadap pembangkang di dalam pilihan raya umum 1995. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga tidak dikecualikan pun boleh ditangkap dan didakwa oleh kerana kesalahan menerbitkan berita palsu, tetapi tidak buat.

Saya pun ada buat satu laporan terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana berita palsu bahawa saya ada cabar polis dalam pilihan raya umum, dan ini tak benar. Mana tangkapan yang dibuat terhadap Perdana Menteri for publishing false news. Maliciously publishing false news oleh kerana beliau tahu itu tak benar. Dia dengan "malice" buat itu.

Tuan R. Karpal Singh: Perdana Menteri tidak ditangkap, oleh kerana who is going to bell the cats. Peguam Negara tidak berani menangkap seorang seperti Perdana Menteri, timbalannya, dan menteri-menteri. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, seperti Tuan Yang di-Pertua mengetahui ada peruntukan dalam undang-undang di mana seorang warganegara boleh melakukan citizen arrest apabila satu kesalahan ada dilakukan. Adakah rakan saya dari Tanjong bersedia untuk menangkap kedua-dua ini (*Ketawa*) dan menggunakan undang-undang yang ada tersedia dalam negara ini iaitu satu citizen arrest. Saya boleh menolong dia. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan timbanglah. Oleh kerana akhirnya bukan citizen arrest, tetapi arrest oleh Attorney General. Memang satu perkara yang boleh kita timbang dan mungkin boleh dapat advice peguam-peguam dan hakim-hakim, bekas hakim, termasuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling merunsingkan rakyat Malaysia adalah sama ada penangkapan Irene Fernandez merupakan satu contoh, di mana kemenangan besar Barisan Nasional di dalam pilihan raya umum yang lepas telah disalahgunakan secara bahayanya. Dan apakah kesannya terhadap masa depan demokrasi dan pembentukan masyarakat madani atau civil society di Malaysia.

Saya menyeru Peguam Negara menarik balik semua dakwaan terhadap Irene Fernandez. Sekiranya Peguam Negara boleh menarik balik semua tuduhan ke atas Rahim Tamby Chik dan Jeffrey Kitingan, beliau juga harus menarik balik semua tuduhan terhadap Irene Fernandez.

Minggu lepas timbulnya lagi satu tanda bahawa kerajaan sedang berusaha untuk mengambil satu tindakan keras terhadap NGO yang mementingkan pelbagai isu antaranya hak asasi manusia, hak wanita dan persekitaran, di mana pendaftaran

sebuah NGO di Sarawak, Institut Pengajian Komuniti (IPK) telah dibatalkan susulan penglibatan aktifnya di dalam kempen NGO menentang projek Empangan Hidro Elektrik Bakun yang bernilai RM15 bilion. Sebab untuk pembatalan pendaftaran yang berkuatkuasa serta merta ini telah dikemukakan oleh Pendaftaran Nama Perniagaan Sibul, Salleh Yusof, Selasa lepas sebagai IPK melanggar syarat pendaftarannya dengan melibatkan diri dengan aktif dalam menganjurkan seminar Empangan Bakun di Kuala Lumpur pada 2hb. Disember tahun lepas. Salleh berkata IPK telah didaftarkan untuk melakukan perniagaan sebagai perunding pembangunan desa dan syarikat perdagangan untuk eksperimen pertanian. Tetapi pemegang saham IPK, Wong Meng Chow telah membentangkan satu kertas kerja yang bertajuk, dengan izin, "From the Master Plan to the EIA" dan "The Bakun HEP and Resettlement: A failure in Planning" dalam seminar KL yang berkenaan, melibatkan IPK di dalam isu Empangan Bakun adalah sah dan munasabah, kerana seluruh masa depan sosio-ekonomi dan persekitaran termasuk kegiatan-kegiatan perniagaan dan pembangunan lebih kurang 10,000 orang asal di Sarawak akan merasai kesan projek empangan Bakun.

Baru-baru ini, pegawai-pegawai kerajaan telah cuba mengganggu aktiviti-aktiviti NGO dengan mengkehendaki mereka didaftarkan di bawah Pendaftar Persatuan dan bukannya Pendaftar Syarikat. Tindakan ini jelas bertentangan dengan pernyataan kerajaan bahawa ia berniat membentuk satu masyarakat madani di mana rakyat boleh melibatkan diri dengan aktifnya ke dalam urusan negara dan antarabangsa. Maka saya menyeru supaya kerajaan menghentikan tindakan dan rancangannya untuk mengawal, mengganggu dan menyekat aktiviti-aktiviti NGO-NGO di Malaysia ini.

Sebaliknya, kerajaan harus mengisytiharkan satu piagam untuk semua NGO-NGO dan mengisytiharkan sokongan penuh kerajaan ke atas kegiatan-kegiatan NGO, bukan sahaja membantu mereka dalam operasi harian dengan membubarkan segala sekatan undang-undang dan pengurusan, malah menjanjikan bantuan kewangan yang secukupnya untuk membantu pelancaran operasi mereka.

Di tahun yang lepas, pembangunan budaya sebuah kerajaan yang lebih bertanggungjawab, akauntabel dan berketelusan, nampaknya tidak ada sebarang kemajuan malah semakin mundur. Contohnya, kegagalan yang paling jelas adalah projek mega Empangan Bakun, di mana kerajaan berulang kali memungkiri janjinya untuk mengadakan proses perundingan yang bermakna dengan NGO, wakil masyarakat tempatan dan semua pihak yang mengambil berat. Sekiranya kemenangan Barisan Nasional tidak sebesar sekarang, di mana majoritinya di Parlimen sampai lima per enam dan suara pembangkang tidak begitu kuat, maka kerajaan tentu akan bertindak dengan lebih bertanggungjawab dan berketelusan di atas isu projek Empangan Bakun bernilai RM15 bilion ini akan lebih ketara.

Sebagai contohnya, pihak berkenaan berulang kali berjanji bahawa orang ramai akan diundang untuk menghantar perwakilan dan memberi pandangan sebelum sebarang Laporan EIA untuk projek Bakun diluluskan, tetapi pada hakikatnya ini tidak pernah berlaku walaupun dua Laporan EIA yang berkenaan telah diluluskan sehingga kini dan tidak wujud sebarang pertunjukan bahawa akan berlaku perubahan di masa depan mengenai kelulusan tiga lagi Laporan EIA untuk Bakun.

Awal tahun ini, EPU dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah

mengadakan satu seminar mengenai Empangan Bakun di mana Timbalan Ketua Pengarah EPU, Datuk Dr. Samsudin Hitam telah mengemukakan keperluan tenaga elektrik negara selepas tahun 2000 sebagai rasional di belakang pembinaan Projek Empangan Bakun ini. Angka-angka yang diberikan menunjukkan bahawa keperluan tenaga negara kita hanya dapat dipenuhi dengan mudah sehingga ke tahun 2000 termasuk 35% margin rezab. Di Semenanjung berikutnya, sejumlah 3,877 MW kapasiti tambahan akan di komision pada tahun 1996 ke tahun 2000 berikutan dengan siapnya beberapa projek dan antara projek utama yang dinyatakan termasuklah:

(a) Pergau Hydroelectric Project (TNB)	600MW
(b) Segari Energy Ventures, Lumut (IPP)	1,339MW
(c) Tanjong Kling Combined Cycle Melaka (TNB)	300MW
(d) Port Klang Phase III (TNB)	1,000MW
(e) Powertek Combined Cycle Melaka (IPP)	200MW
(f) Port Dickson Power Combined Cycle (IPP)	220MW

Berdasarkan alasan bahawa tidak ada sebarang kapasiti baru akan dikomision selepas tahun 2000, maka jumlah kapasiti terpasang akan kurang dari kapasiti yang diperlukan termasuk 35% margin rezab bermula pada tahun 2000. Maka ini telah dijadikan rasional untuk pelaksanaan projek Bakun. Bagaimanapun, kertas EPU tidaklah jujur, kerana ia tidak mengambil kira rancangan masa kini untuk menambahkan kapasiti baru selepas tahun 2000, kerana kapasiti terpasang Tenaga Nasional Berhad akan bertambah sebanyak 4000 MW dari tahun 2000 ke 2005 melalui dua loji kuasa batu arang di Yan, Kedah dan Lumut. Kedua-dua loji ini dijangka akan dimulakan kerja pembinaan mereka hujung tahun ini.

Selanjutnya, Laporan Tahunan Tenaga Nasional 1995 meramalkan penambahan kapasiti penjanaan sebanyak 7000 MW antara tahun 2001 dan 2005 dengan margin rezab antara 25% ke 30%. Bagaimana pula dengan kapasiti penjanaan IPP yang sedia ada serta yang baru antara tahun 2000 dan 2005?

NGO-NGO yang mengambil berat tentang projek Bakun telah mengemukakan satu memorandum kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam Seminar EPU berkenaan dan NGO-NGO telah menyeru kerajaan supaya mengadakan proses perundingan yang bermakna untuk membincangkan keesahan mengenai kebaikan projek Bakun yang diumumkan khasnya mengenai lapan aspek penting. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos supaya menjawab kelapan-lapan aspek penting yang dibangkitkan itu semasa beliau menjawab perbahasan ini.

Aspek pertama ialah mengenai tuntutan dakwaan kerajaan dan Ekran yang mendakwa bahawa Empangan Bakun merupakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan NGO-NGO ada memasuki satu kaveat, dengan izin, "Hydropower is not renewable, as a hydrological conditions such as siltation and sedimentation limit the dam's useful lifespan. After the reservoir's operating volume is reduced, it will be inefficient and will need to be decommissioned."

Dakwaan kedua, kerajaan dan Ekran bahawa Projek Empangan Bakun akan menyumbang secara signifikan ke atas penjimatan bahan api fosil, mempelbagaian sumber tenaga dan pengurangan pergantungan ke atas bahan api fosil untuk tujuan penjanaan tenaga dan kaveat NGO terhadap ini ialah, dengan izin, Malaysia's current gas reserves are estimated at 80 trillion ft³, distributed in 176 gas-fields, 50 percent of which are in Semenanjung Malaysia and 45 per cent

of which can be found in Sarawak. This is roughly 4 times the known reserves of petroleum and can last Malaysia for another 40 years.

Mengenai tuntutan ketiga Kerajaan dan Ekran, bahawa tenaga yang dikeluarkan oleh Projek Empangan Bakun secara bandingannya adalah lebih murah daripada penjanaan termal lain, kaveat NGO ialah, dengan izin, The six IPPs in Malaysia have a total capacity of 4,069 MW, which cost RM10 billion to build. At RM15 billion for a stated capacity of 2,400MW, Bakun is not a cheaper alternative. In fact, the huge construction cost would mean its electricity sale price to TNB will have to be higher than the current average of 15.5 cent per unit. A price of 20 cent per unit has been estimated which impacts on TNB's profitability, and ultimately, the price of electricity for the consumers. After the dam's useful lifespan, the process of decommissioning the dam would incur further costs, which has to be borne by society.

Dakwaan keempat, kerajaan dan Ekran bahawa, kebajikan sosio ekonomi 8,000 orang asal yang terjejas oleh projek ini akan ditingkatkan apabila mereka dipindahkan ke kawasan penempatan baru, di mana mereka akan dibekalkan dengan infrastruktur dan kemudahan sosial yang moden serta mendapatkan pekerjaan, penjagaan kesihatan dan peluang perniagaan yang lebih baik, kaveat NGO ialah dengan izin, Professor Jerome Rousseau's study concludes that the resettlement are in Belaga is more inferior than the upper Balui area currently occupied by the natives. Their well being would be worse-off. Access to employment, health care and business opportunities should not come about only when they are forced to be relocated.

Kelima, dakwaan kerajaan dan Ekran bahawa ia akan menghasilkan green house gas yang kurang dari loji termal bahan

api fossil, kaveat NGO ialah, The inundation of 69,640 ha. by the Bakun reservoir has severe environmental impacts. The clearing of 73 million m³ in the forest reduces the size of forest cover, disrupts the local weather patterns, produces green-house gases from unremoved decaying vegetation, increases soil denudation, affects aquatic life and disrupts the natural hydrology of the water catchment.

Dakwaan keenam, kerajaan dan Ekran bahawa projek ini akan membantu memajukan lagi kepakaran dan kemahiran orang tempatan, terutama sekali dalam segi kejuruteraan, pengendalian dan penyelenggaraan, serta membantu memindahkan teknologi penyelidikan dan pembangunan dari pelbagai bidang, kaveat NGO ialah, Most engineering R&D work nowadays conclude that large dams are no longer attractive propositions.

Bakun's river-diversion tunnels contracts has been awarded to Dong Ah Construction of Korea, whose Songso Bridge in downtown Seoul collapsed in 1994 killing 32 people: Dong Ah's chairman Choi Won Suk has been indicted on charges of bribing former Korean President Roh Tae Woo. Do we want technology transfer from this kind of contractor?

Dakwaan ketujuh, kerajaan dan Ekran, bahawa kapasiti pengawalan reservoir Bakun akan membantu mengawal aliran sungai dan paras banjir. Pengemudian sungai akan diperbaiki dan intrusi saliniti dan kerosakan banjir yang sering berlaku di hilir Batang Rajang dapat dikurangkan secara signifikan dan kaveat ialah, The 'flood control' capability contradicts Bakun's avowed objective of generating electricity. For power generation, Bakun reservoir's water level must be high, whereas a flood-control dam would need lower water level to store excess flood water during the rainy seasons.

Batang Balui's average streamflow is estimated at 1,314 m³s⁻¹. This is less than the estimated 1,640 m³s⁻¹ needed to generate Bakun's turbines. In order to avoid losses the water level has to be raised to generate electricity. This is risky as the adjustable volume of the reservoir would be very small, and it will be incapable of flood control.

Akhirnya, kelapan, Kerajaan dan Ekran mendakwa bahawa reservoir Bakun serta pemandangan indah landskapnya di sekeliling seperti Batu Laga dan Hose Mountain dapat dimajukan dan dipromosi sebagai destinasi pelancongan, terutama sekali untuk mereka yang sukakan pengembaraan dan eco-tourism.

Kaveat yang dimaksudkan oleh NGO ialah "The best promotion of eco-tourism lies in the present environment itself. They makes a mockery of eco-tourism resulting from the drowning of 69,640 ha of forest cover, diverting part of Malaysia's largest river system, displacing the traditional homeland of 8,180 natives, removing nearly 72 milion m³ of vegetation and degrading aquatic life.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyokong seruan yang terkandung di dalam memorandum yang ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh NGO-NGO yang prihatin ini dan menyeru supaya pihak yang berkenaan menjawab 5 persoalan berikut yang berkaitan dengan empangan Bakun:

1. Akauntabiliti awam: Kerajaan harus menghormati proses EIA dengan memastikan bahawa bahagian-bahagian EIA untuk Empangan Bakun yang seterusnya akan diumumkan untuk kajian orang ramai sebelum diluluskan oleh pihak yang berkenaan. Kerajaan juga harus mengendalikan dan menilai semua

kajian mengenai Empangan Bakun ini sebagai satu projek tunggal, dan memberikan perhatian khas tentang akibat sosial, kos ekonomi dan kesan ekologi.

2. Akses maklumat: Kerajaan harus mengemukakan semua kajian dan laporan kebolehlaksanaan mengenai projek Bakun. Kerajaan juga harus mengumumkan rancangan penempatan semulanya untuk masyarakat yang terjejas, Biomass Removal Plan dan Catchment Management Plannya yang disediakan oleh pemaju.
3. Daya maju: Kerajaan harus menimbang pandangan mengenai lain-lain pilihan yang boleh menggantikan projek Empangan Bakun yang dikemukakan oleh NGO yang prihatin kerana banyak persoalan yang serius mengenai daya maju Bakun sama ada dari segi ekonomi, ekologi, teknikal, sosial dan budaya telah dibangkitkan, khasnya satu pandangan yang kuat berpendapat bahawa Bakun tidak berdaya maju dari segi ekonomi dan bahawa reka bentuk empangan yang sedia ada tidak akan dapat mengatasi banjir dan gempa bumi yang dicituskan oleh reservoir.
4. Keperluan masyarakat orang asal: Kerajaan harus mengumumkan rancangan penempatan semulanya untuk masyarakat yang terjejas dan harus menyelesaikan semua isu yang masih belum ditangani mengenai penempatan dan pampasan.
5. Tanggungjawab kewangan: Kerajaan harus menjelaskan pendiriannya dalam menggunakan tabung awam untuk pembinaan Empangan Bakun. Memandangkan Ekran Bhd hanya akan menanggung sebahagian kecil dari jumlah ekuiti HEP Bakun, kerajaan harus mengumumkan semua pihak yang

terlibat dalam pembiayaan penyiapan, pengendalian dan penyelenggaraan HEP Bakun. Kerajaan harus juga menjamin secara terbuka bahawa tarifelektrik tidak akan dinaikkan dan wang para pembayar cukai tidak akan digunakan untuk memberi subsidi kepada HEP Bakun.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi notis di Forum Hari Wanita Sedunia yang dianjurkan oleh Wanita DAP di Kuala Lumpur pada 8 Mac, bahawa saya akan mengemukakan isu Akta Keganasan Rumahtangga yang tidak dikuatkuasakan di hari pertama mesyuarat Parlimen kali ini. Maka saya telah memberikan notis untuk mengemukakan satu pertanyaan mulut pada hari semalam bertanyakan sebab mengapakah Akta Keganasan Keluarga masih belum dikuatkuasakan, walaupun ia telah diluluskan oleh Parlimen sejak Julai 1994 setelah kumpulan-kumpulan wanita berkempen selama tempoh lapan tahun, dan menjadikan keganasan keluarga sebagai kesalahan kriminal demi melindungi kaum wanita dan kanak-kanak.

Sungguhpun pertanyaan saya tidak sempat dibangkitkan semasa sesi soal jawab satu jam hari semalam, notis pertanyaan tersebut masih membawa kesan yang positif kerana sehari sebelum itu, Pusat Islam telah mengumumkan bahawa ia telah meluluskan (memberi lampu hijau) kepada Akta Keganasan Keluarga (Domestic Violent Act) dan ini membolehkan DVA dikuatkuasakan selepas 2 tahun diluluskan oleh Parlimen. Tetapi kegembiraan mengenai perlin-dungan yang bakal dinikmati oleh kaum wanita dan kanak-kanak dari keganasan keluarga ini telah dibuktikan oleh sesuatu yang sangat singkat yang tidak kekal.

Pertama sekali Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa untuk menyelesaikan semua butir pentadbiran sebelum Akta ini dapat

dikuatkuasakan, pihak berkuasa masih perlu masa selama satu bulan untuk membuat persiapan yang terakhir. Ini sebenarnya tidak harus berlaku kerana menurut sebuah NGO, Sister in Islam, Pusat Islam bersama-sama dengan lain-lain jabatan kerajaan ada menghantar perwakilan mereka sepanjang proses menggubal Akta Keganasan Keluarga sejak tahun 1989 ke 1994 di mana akta ini diluluskan oleh Parlimen.

Bagaimanapun, kenyataan yang memeranjatkan dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini telah dibayangi oleh satu kenyataan yang lebih memeranjatkan semalam dari Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang menyatakan bahawa DVA tidak dapat dikuatkuasakan sehingga akhir tahun ini sebab peraturan untuk menguatkusakannya masih belum digubal lagi. Kegagalan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk mula menggubal peraturan bagi menguatkusakan DVA dua tahun selepas ia diluluskan sungguh memeranjatkan dan samalah seperti suatu kesalahan kriminal yang melanggar kehendak Parlimen yang berhasrat melindungi kaum wanita dan kanak-kanak dari keganasan keluarga.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat harus membuat penjelasan mengenai sebab mengapa beliau tidak mengambil tindakan untuk menggubal peraturan bagi menguatkusakan DVA sementara menunggu keputusan dari Pusat Islam atau lain-lain pihak berkenaan supaya apabila semua masalah telah diselesaikan draf peraturan yang disediakan itu dapat dilaksanakan dengan segera tanpa melambatkan lagi penguatkuasaan DVA.

Pada tahun 1991, 262 kes keganasan keluarga dilaporkan, tahun 1992—212 kes, tahun 1993—243 kes, tahun 1994—268 kes, yang sebenarnya merupakan

angka yang sangat kecil jika dibandingkan dengan bilangan kes sebenar kerana majoriti kes sebegini tidak pernah dilaporkan di bawah undang-undang yang sedia wujud.

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara perlu bertanggungjawab bagi setiap kes keganasan keluarga dan penderaan kanak-kanak yang berlaku semenjak beliau menjawat jawatan Menteri kerana gagal menguatkusakan Akta ini serta setiap kes yang bakal berlaku sehingga peraturan untuk akta ini siap digubal dan diwartakan. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat nampaknya tidak faham tentang pentingnya melaksanakan kehendak Parlimen untuk memberi perlindungan undang-undang kepada kaum wanita dan kanak-kanak dari keganasan keluarga serta penderaan kanak-kanak dan dengan sikap yang acuh tidak acuh sebegini, saya bimbang yang peraturan untuk Akta ini adakah kita perlu tunggu sehingga tahun 2000 sebelum akta ini dapat dikuatkuasakan. Para NGO dan rakyat Malaysia yang sekian lama ini menunggu-nunggu penguatkuasaan DVA ini tentu akan merasa marah dan terperanjat dengan kelambatan sekali lagi pelaksanaan Akta ini. Mereka berhak memberitahu semua pihak bahawa mereka tidak bersedia untuk menunggu tempoh satu tahun lagi dan mahu melihat peraturan untuk menguatkusakan DVA ini digubal, diputus dan diwartakan dalam masa dua bulan ini.

Sekiranya Yang Berhormat Menteri berkenaan tidak mempunyai keyakinan untuk menggubal, memutus dan mewartakan peraturan Akta ini dalam masa dua bulan, maka beliau harus meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya melepaskannya dari tugas Kabinet supaya Menteri yang lain dapat dilantik untuk mencapai sasaran ini kerana perlindungan kepada kaum wanita dan kanak-kanak dari keganasan keluarga serta penderaan tidak boleh ditundakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Januari tahun ini saya pernah menyeru supaya diwujudkan satu proses tender yang lebih terbuka dan berketelusan untuk pembinaan Hospital Selayang Baru yang bernilai RM500 juta sebagai sebahagian dari penswastan Hospital Kuala Lumpur kerana saya telah menerima maklumat mengatakan bahawa satu Letter of Intent untuk pembinaan telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan kepada Redicare (M) Sdn. Bhd.

Ini merupakan langkah yang tidak menyenangkan kerana Letter of Intent merupakan sesuatu yang dikeluarkan oleh Jabatan klien, dalam kes ini adalah Kementerian Kesihatan dan bukannya oleh Kementerian Kewangan. Isu Letter of Intent kepada Redicare Malaysia Sdn. Bhd. untuk membina Hospital Selayang Baru atas dasar turnkey ini telah membangkitkan ketidaksenangan ramai pihak atas sebab-sebab berikut:

- (i) Redicare bukannya pilihan yang pertama dalam usaha penilaian tender;
- (ii) Redicare bukannya satu kontraktor, tetapi merupakan pembekal peralatan perubatan dan tidak memiliki lesen pusat bagi khidmat kontraktor atau PKK;
- (ii) Redicare yang mempunyai seorang Pengerusi Eksekutif yang bernama Azmi Haji Jaafar telah melaungkan satu nama personaliti politik yang sangat penting semasa proses tender dan namanya yang dimaksudkan itu tidak lain merupakan nama Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri.

Sama seperti pengurusan keadilan, pemberian tender bukan sahaja perlu adil, tetapi mesti dinampakkan sebagai adil dan tidak boleh dipengaruhi oleh perhubungan politik ataupun melalui

kelebihan yang diperolehi kerana menyebutkan nama sesetengah personaliti politik.

Saya difahamkan bahawa selepas Letter of Intent dikeluarkan, Redicare telah subkontrakkan seluruh kontraknya kepada Kobayashi dari Jepun yang tidak pernah membina sebarang hospital walaupun di Jepun sendiri. Kini, ada tidak kurang dari 11 warganegara Jepun sedang bekerja di tapak Hospital Selayang Baru.

Saya difahamkan juga bahawa semasa proses tender, Jabatan Kerja Raya telah menilaikan bahawa tawaran dari Berembang merupakan cadangan yang lebih baik, tetapi ia telah ditolak atas sebab-sebab teknikal dan kewangan. Antaranya ialah kerana ia mahu melibatkan seorang kontraktor Jepun. Sekiranya ini benar, maka mengapakah Redicare dibenarkan menyerahkan keseluruhan kontraknya kepada satu kontraktor Jepun selepas memenangi tender tersebut sedangkan saya pun difahamkan bahawa selepas Azmi Jaafar menjualkan kontrak Hospital Selayang Baru secara terang-terang, Pengarah Urusannya, Azizuddin telah mengemukakan surat letak jawatan kepada Redicare.

Yang Berhormat Menteri Kewangan harus memberikan satu penjelasan yang memuaskan terhadap urusan tender yang luar biasa ini. Saya tidak buat apa-apa tuduhan terhadap beliau oleh kerana apa yang saya sebut ialah bahawa namanya ada disebut-sebutkan. Tetapi, bolehkah dia menjamin sebagai contoh bahawa kontrak bernilai RM500 juta ini akan siap dalam tempoh 30 bulan ataupun adakah segala liquidated damages akan dikenakan memandangkan Hospital Selayang Baru harus siap dibina untuk Sukom 1998 ataupun adakah Azmi Jaafar akan menggunakan nama personaliti politik dan boleh mendapat pengecualian kerugian yang disebabkan oleh kelambatan penyediaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan DiRaja, kerajaan mengemukakan hasrat untuk menjadikan Malaysia satu pusat serantau bagi teknologi maklumat. Sekiranya kerajaan benar-benar berniat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi teknologi dan maklumat, maka masanya sudah sampai bagi pembentukan satu Dasar IT Kebangsaan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, bukan sahaja bertujuan untuk membina infrastruktur Maklumat Kebangsaan atau NII yang bertaraf antarabangsa selaras dengan Infrastruktur Maklumat Global atau GII yang kini menjelma, tetapi juga perlu diadakan satu rancangan nasional yang bertujuan untuk menggalakkan literasi komputer di kalangan rakyat jelata dengan merangsangkan kesedaran mereka tentang kebaikan IT kepada Malaysia bila dibandingkan dengan lain-lain negara yang berada di baris depan teknologi IT.

Sehubungan ini, Parlimen sememangnya boleh dijadikan satu teladan dalam memperkenalkan kesedaran dan penggunaan IT dengan mengadakan Homepage di Internet. Satu search di World Wide Web ke atas website Global Democracy Network, yang dilancarkan pada Jun 1994 dengan tujuan, dengan izin, "to better utilize modern communications technologies, especially computer networks, as tool to assist democratic institutions and to provide the Internet community with a source of information related to human rights and democracy" telah menyenaraikan 28 Parlimen, yang jelas sekali telah tidak memasukkan Parlimen Malaysia, walaupun Malaysia berhasrat untuk menjadi "pusat serantau untuk teknologi maklumat".

Parlimen yang disenaraikan di atas website tersebut bukan sahaja termasuk negara-negara Barat sebagai Kongres Amerika Syarikat, Parlimen UK, Australia, New Zealand, Perancis dan Jepun. tetapi juga termasuk negara-negara dari rantau lain seperti Singapura, Jepun, Asia, Chile

dan Peru di Amerika Syarikat serta Afrika Selatan.

Sesetengah Parlimen membekalkan akses elektronik secara langsung sekurang-kurangnya mengenai perundangan dan prosiding terbaru mereka, antaranya termasuklah laporan Jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen serta perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan oleh perpustakaan Parlimen mereka masing-masing. Di Norway, ucapan-ucapan dari Parlimennya dapat didengar secara langsung 'real time' melalui Internet.

Adalah tidak kena sekiranya para Ahli Parlimen bercakap-cakap tentang revolusi IT, dasar NII serta visi Malaysia untuk menjadi masyarakat maklumat, tetapi Parlimen Malaysia sendiri nampaknya terkurung dari perubahan IT di luar.

Ogos lepas, Pejabat Ketua Pembangkang Parlimen pernah menulis kepada pihak Parlimen meminta dibekalkan kemudahan sambungan ke Internet, tetapi permohonan ini telah ditolak. Bagaimanakah sesuatu negara hendak berkempen untuk memajukan literasi komputer secara am serta merangsangkan kesedaran IT di kalangan rakyat, tetapi Parlimennya pula nampaknya begitu "un-IT minded"?

Selaras dengan sebuah negara yang berhasrat untuk menjadi pusat serantau bagi teknologi maklumat, Parlimen bukan sahaja harus mengadakan homepagenya sendiri di atas Internet supaya orang ramai mendapat akses yang terus kepada semua undang-undang Malaysia, perbahasan Parlimen dan lain-lain laporan Parlimen, malah Parlimen harus dilengkapi dengan komputer dan disambung ke Internet dan para Ahli Parlimen harus digalakkan untuk dihubungkan ke Internet sebagai teladan dan galakan untuk rakyat jelata.

Saya berharap Jawatankuasa Bangunan Parlimen (House Committee) dapat

mengadakan mesyuarat dan menimbang tentang bagaimanakah Parlimen Malaysia dapat menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebuah pusat serantau teknologi maklumat dengan menggalakkan kegunaan IT yang sepenuhnya dan menyeluruh oleh Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen. Atau alternatively, dengan izin, Parlimen boleh menubuhkan satu Standing Committee mengenai IT khas untuk menguruskan isu ini.

Dua minggu yang lepas, Telekom Malaysia Berhad telah mencatatkan kenaikan 15.4% atas keuntungan kumpulan sebelum cukainya sebanyak RM1.93 bilion untuk tahun berakhir Disember 1995 dan dari RM1.68 bilion dalam tahun 1994.

Ini merupakan alasan yang paling kuat untuk pihak berkenaan supaya mengkaji semula kenaikan kadar telefon yang dijangka akan berkuatkuasa mulai Jun ini, memandangkan ia adalah bertentangan dengan kepentingan orang ramai di mana sebuah entiti yang telah diswastakan dibenarkan untuk mengaut keuntungan yang tinggi manakala pelanggan-pelanggan yang terdiri dari pengguna biasa terpaksa menanggung kos yang tinggi.

Telefon kini telah merupakan kemudahan yang perlu di zaman moden dan sebelum Telekom Malaysia dibenarkan menaikkan kadar telefonnya, ia perlu meyakinkan orang ramai dahulu tentang tindakannya sedemikian, yang mana ia tidak pernah dilakukan. Penambahan dalam kadar telefon ini akan merupakan satu halangan besar ka atas memupuk penggunaan IT serta hasrat menjadikan Malaysia sebuah pusat serantau untuk IT.

Walaupun Telekom pernah berkata bahawa lebih dari 20,000 pelanggan Jaring yang menggunakan kemudahan Internet akan mendapat rebat mereka, tetapi butir-

butir mengenai perkara ini belum dijelaskan, manakala telah wujudnya khabar angin yang mengatakan bahawa rebat yang dicadangkan itu langsung tidak menggalakkan.

Kerajaan harus memastikan bahawa untuk mendapta akses ke Internet serta untuk menggalakkan rakyat Malaysia menyertai baris depan perlumbaan cyberspace zaman ini, maka kadar telefon masa kini harus dikekalkan, sekurang-kurangnya sampai ke tahun 2000.

Priority kini adalah memastikan bahawa Malaysia dapat berlumba dan setanding dengan lain-lain negara untuk menjadi satu intelligent nation dan jangan biarkan matlamat ini dihalang oleh pertimbangan mengenai keuntungan Telekom sahaja. Sekiranya perlu, Telekom harus diminta menjalankan dan memberikan perkhidmatan awamnya dengan meng-agihkan sebahagian keuntungannya untuk membiayai serta mencapai priority ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Marang.

4.30 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Wassala wa'ala manittaba'at huda. Tuan Yang di-Pertua, dalam mukadimah Titah Diraja dinyatakan kesyukuran kepada Allah S.W.T. di atas limpah kurnia nikmat, rezeki dan kestabilan negara. Kesyukuran itu mestilah berasaskan kepada sejauh mana nikmat itu diambil dan digunakan. Kerana nikmat dunia diberi kepada semua tetapi kebaikan yang berasaskan keadilan agama Allah hanya diberi kepada orang-orang yang dikasihi oleh Allah dan dilakukan oleh mereka yang benar-benar mendapat taufik dan hidayah dari Allah S.W.T.

Rasulallah s.a.w. pernah bersabda (Membacakan sebuah hadis) yang bermaksud:-

“Sesungguhnya Allah membahagikan di kalangan kamu akan akhlak kamu sebagaimana Dia membahagikan di kalangan kamu akan rezeki kamu. Sesungguhnya Allah itu memberi dunia, kemewahan dan nikmatNya kepada sesiapa sahaja, kepada orang yang dikasihi dan orang yang tidak dikasihi dan Dia tidak memberi petunjuk agama yang benar melainkan kepada sesiapa yang Ia mengasihinya dan sesiapa yang diberi kepadanya petunjuk itu, maka dia telah dikasihi oleh Allah”.

Allah S.W.T. menyebut contoh yang banyak di dalam Al-Quranul-Karim negara-negara yang diberi nikmat dan berkat dan negara-negara yang dihancurkan dan dimusnahkan. Kesemuanya patut menjadi iktibar dan pengajaran kepada kita semua. Firman Allah Taala (*Membacakan ayat Al-Quran*) yang bermaksud:-

“Kalaulah sekiranya penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa, mematuhi perintah Allah, nescaya Kami bukannya untuk mereka keberkatan yang turun dari langit dan yang keluar dari bumi. Tetapi mereka membohongi agama Allah, lalu Kami bertindak ke atas mereka dengan apa yang telah dilakukan oleh mereka”.

Firman Allah Taala (*Membacakan ayat Al-Quran*) yang bermaksud:

“Adakah kamu tidak tahu bagaimana Tuhan melakukan tindakan ke atas kaum Aad, keturunan Iram yang mempunyai menara yang tinggi yang tidak diciptakan sebelumnya di dalam negeri, kaum Thamud yang membelah bukit dan batu untuk dijadikan bangunan di lembah, Firaun yang mempunyai bala tentera yang

ramai yang melakukan sikap yang melampau di dalam negeri. Mereka banyak melakukan kejahatan. Lalu dicurahkan kepada mereka hukuman azab oleh Tuhan. Sesungguhnya Tuhan sentiasa memerhatikan.”

Negara yang berjaya dan berkat ialah negara yang mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Tegak di atas moral yang mulia dan keadilan menegakkan ajaran Ilahi. Negara yang hancur musnah kerana tanpa perkara tersebut, walaupun tegak di atas pembangunan kebendaan yang mengkagumkan dunia seperti kaum Thamud, menara yang menakutkan seperti kaum Aad, bala tentera yang berjuta-juta ramainya seperti kaum Firaun.

Tuan Yang di-Pertua, di tengah-tengah kebanggaan pencapaian usaha menjayakan wawasan yang dituju dan dakwaan wujudnya kestabilan dan kemakmuran rakyat, tercetusnya peristiwa surat layang yang menyentuh moral dan akhlak institusi kehakiman negara. Kerajaan mestilah bersikap bijaksana dan terbuka dalam hal ini tanpa melulu dan melenting kerana perkara ini melibatkan sistem dan perjalanan keadilan serta wibawa kehakiman yang menyentuh kepentingan pelaksanaan undang-undang secara langsung.

Parti Islam SeMalaysia (PAS) berharap supaya Jabatan Peguam Negara dan polis mengambil langkah menyiasat bukan sekadar terhadap sindiket surat layang itu tetapi supaya isu-isu kehakiman dan keadilan di negara ini dan segala kelemahannya dapat diatasi dengan saksama. Adalah tidak adil kalau siasatan hanya dilakukan di sebelah pihak sahaja. Adalah tidak adil juga kalau tuduhan dilakukan terhadap semua pihak diterima sebulat-bulatnya tanpa siasatan dan pembicaraan. Maka siasatan perlu dibuat terutamanya dalam tuduhan-tuduhan spesifik yang telah dibuat terhadap hakim-

hakim tertentu dan ini adalah satu perkara yang sangat serius dan sangat memerlukan suatu siasatan secara bebas dan tinggi tanpa gangguan mana-mana pihak. Kalau badan kehakiman sendiri boleh ditembusi oleh perkara-perkara yang meruntuhkan moral, maka yang lain adalah lebih rapuh.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini diberitakan sudah lama tersebar. Kemudian diluahkan melalui surat layang yang menjadi trend baru dalam negara kita. Trend ketakutan untuk mengkritik secara terbuka dan tidak yakin kepada hak-hak kebebasan untuk mengkritik. Kemudian Peguam Negara pula jawab di Kuching, maka perkara ini tidak boleh dianggap remeh temeh apa lagi ditimbulkan dalam sidang hakim-hakim. Di antara yang aneh dikatakan fitnah, sebelum suatu penyiasatan dilakukan, sepatutnya mestilah memberi sikap yang terbuka dahulu supaya diserahkan kepada polis untuk membuat penyiasatan dan menentukan. Adakah polis sudah terikat dengan keputusan yang telah diberi oleh Peguam Negara? Kerana menurut Seksyen 145(3) Perlembagaan, Peguam Negara mempunyai kuasa sendiri dalam perkara itu. Adakah Peguam Negara sudah terikat dengan kenyataannya? Kalau dilakukan percaraan, adakah hakim-hakim yang hadir itu boleh menjadi hakim atau layak menjadi saksi sahaja dan perlu dilantik hakim-hakim baru? Dalam hal ini melibatkan tiga golongan yang boleh dipertikaikan kewibawaan mereka - kerajaan, Peguam Negara dan hakim-hakim. Wallahhu'alam. Kita tidak tahu apa yang tersirat di sebalik yang tersurat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh keadaan sosial yang kian pincang termasuk masalah penyalahgunaan dadah, lepak, berbagai-bagai kegiatan maksiat, pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak dan wanita tidak harus dianggap sekiranya ianya tidak memberi apa-apa kesan kepada aspek-aspek yang lain. Perkara tersebut menjadi

gejala berlakunya keruntuhan rohani dan berlakunya kelemahan dalam program mengatasi masalah-masalah itu. Apa yang disebut mengimbangi di antara pembangunan rohani dan kebendaan melalui pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam sebenarnya tidak menepati ajaran Islam yang sebenar dan menyeluruh. Maka ia menjadi sebab tiada keberkesanan membentuk moral yang mulia.

Yang pertama, kerana dasar negara ini sebenarnya masih berlandaskan sekular Barat yang memisahkan di antara agama dan pemerintahan, laksana memisahkan roh dan jasad. Menurut Islam, pemerintahan tidak boleh dipisahkan daripada agama. Hubungan agama dan pemerintahan menurut Islam seperti roh dan jasad. Bukan seperti anggota yang boleh dipotong-potong dan dipisahkan. Yang menjadi kenyataan di hari ini, kedudukan penerapan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan hanya diletakkan menjadi salah satu aktiviti-aktiviti kerajaan, bukannya suatu roh yang menguasai segala aspek.

Oleh itu, maka Islam tidak diberi kuasa untuk mengharamkan apa yang diharamkan dan menghalalkan apa yang dihalalkan menurut ajarannya yang sebenar, termasuk perkara yang diharamkan, yang dinaskan di dalam al-Quran seperti judi. Di dalam sesi Soal Jawab tadi, Timbalan Menteri Kewangan sudah membuat kenyataan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkannya. Di mana kita melihat kedudukan Islam terikat dengan peraturan-peraturan oleh pemerintah, maka segala aktiviti-aktiviti Islam bukan di atas prinsip 'ubudiah' atau 'ibadah' mengabdikan diri kepada Allah S.W.T., tetapi tertakluk kepada kepentingan dan 'masalah' yang difikirkan oleh akal semata-mata.

'Maslahah' yang ditafsirkan ialah perkara yang memberi manfaat, yang memberi faedah. Menurut ajaran Islam

perkara yang dikatakan 'masalah' itu hendaklah dibahagikan kepada tiga perkara:

- (i) 'masalah muktabarah'. Perkara yang mendatangkan faedah, yang ditetapkan oleh syarak, yang ditetapkan oleh agama berdasarkan kepada nas al-Quran dan hadis.
- (ii) 'masalah mulgha' iaitulah perkara yang mendatangkan faedah, yang dianggap sesuai oleh akal, tetapi dibatalkan oleh agama; dan
- (iii) 'masalah mursalah' ataupun 'masaleh mursalah' yang tidak ada nas daripada al-Quran dan hadis Nabi s.a.w.

Kepada umat Islam tiada pilihan dalam menerima 'masalah muktabar'. Masalah yang ditetapkan oleh agama ia adalah suatu masalah, perkara yang diwajibkan, perkara yang disunnahkan, seperti melaksanakan hukuman qisas dan hudud adalah 'masalah'. Melaksanakan undang-undang takzir adalah 'masalah', mengharamkan riba adalah 'masalah'. Ini adalah suatu 'masalah', perkara yang mendatangkan faedah yang ditetapkan oleh syarak.

Yang kedua, 'masalah' yang dibatalkan. Walaupun menurut akal ia adalah berfaedah, tetapi menurut hukum Islam ia adalah tidak berfaedah, kerana Islam dari Allah S.W.T. Yang Maha Mengetahui. Kita mestilah bergantung kepadanya sebagai suatu contoh.

Ada orang menganggap arak dan judi adalah 'masalah'. Islam mengatakan yang bermaksud: Mereka bertanya kamu berkenaan dengan arak dan judi, beritahu kepada mereka sesungguhnya pada arak dan judi itu terdapat perkara-perkara dosa, perkara mudarat dan perkara yang memberi manfaat, tetapi mudarat dosa

lebih besar daripada manfaat, maka ia diharamkan.

Begitu juga dalam perkara menghalalkan riba, adalah mudarat, walaupun mengikut nilai ilmu ekonomi barat hari ini ia adalah suatu masalah, ia tetap tidak akan mendatangkan masalah dan kita melihat bagaimana kemudaratannya riba, merangkau bukan sahaja di peringkat individu, bahkan di peringkat ekonomi antarabangsa, berlakunya penindasan di kalangan umat manusia, maka Islam mengharamkan. Apa yang perlu dibuat kajian ialah 'masaleh mursalah', masalah yang tidak ada nas daripada al-Quran dan hadis yang diberi hak kepada ahli-ahli fikir, kepada cerdik-pandai, kepada golongan-golongan yang pakar, kepada pihak kerajaan untuk mengkaji dan menyelidik perkara yang benar-benar memberi manfaat dan menolak mudarat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, menegakkan Islam itu mestilah juga berteraskan 'amal maaruf' dan 'nahi mungkar', menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran di mana peranan menyuruh kepada yang baik, dan mencegah kemungkaran ini bukan sahaja diletakkan kepada individu, kepada golongan tetapi juga diletakkan kepada negara. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: Orang-orang yang Kami berikan kepada mereka kuasa pemerintahan, mereka mestilah mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, kewajipan harta-benda, menyuruh kepada yang baik, mencegah kemungkaran dan bagi Allah S.W.T. akibat segala urusan.

Menyuruh kepada yang baik, mencegah kemungkaran, kedua-duanya mestilah dilaksanakan, tetapi pihak kerajaan sudah tidak seimbang dalam perkara ini.

Contohnya muamalah Islam dilaksanakan dalam aspek-aspek yang difikirkan memberikan pulangan

keuntungan seperti Al Bithaman Ajil dan lain-lain. Tetapi dalam masa yang sama muamalah riba menjadi kemungkaran ekonomi yang sangat besar padahnya di dunia dan di akhirat diteruskan, bahkan pintu lebih banyak daripada pintu Islam, lebih terbuka dan lebih bebas. Di samping negara kita didirikan masjid-masjid yang banyak yang telah didirikan, yang tumbuh dan diadakan kegiatan-kegiatan Islam yang banyak, dalam masa yang sama terdapat kemudahan-kemudahan hiburan yang mendatangkan maksiat. Kilang-kilang arak, tempat-tempat perjudian, kasino yang dikatakan kasino di Asia Tenggara ini ialah milik Malaysia dan menjadi negara yang paling ke depan di rantau ini dalam perusahaan kasino. Ini suatu keadaan yang memalukan yang bercanggah dengan prinsip menyeru kepada yang baik dan mencegah kemungkaran.

Dalam masalah penyalahgunaan dadah perlu dikaji secara mendalam dan bertanggungjawab. Mengapa fenomena ini masih berleluasa walaupun tindakan undang-undang keras dilakukan, iaitu masih tidak dapat mengatasinya. Hakikat ini diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam satu kenyataan yang dibuat pada bulan lepas, menunjukkan bagaimana keadaan yang sangat membahayakan dan perlu diberi perhatian yang serius. Adakah masih memilih cara lama sekadar menambah pusat-pusat serenti untuk mengatasi pertambahan itu yang ditambah pula dengan berlakunya kekecohan dan sikap biadab di pusat-pusat serenti? Apakah cara penyelesaian menyeluruh perlu dikaji semula? Sepatutnya mestilah dikaji perkara-perkara yang menyebabkan berlakunya gejala-gejala dadah dan dikaji penyelesaiannya. Di antara aspek yang perlu diberi perhatian ialah aspek pendidikan. Dalam perkara pendidikan ini perlu diberi penekanan:

Yang pertama, pendidikan agama dan akhlak.

Yang kedua, pendidikan melalui pergaulan.

Pendidikan melalui agama, kelemahan dalam pendidikan agama dan akhlak atau tidak memahami agama dan akhlak, apabila tidak tahu batasnya, tidak mengerti halal dan haram, tidak mengerti baik dan buruk, menyebabkan mudah terpengaruh untuk melakukan apa sahaja. Ketidakberkesanan dalam pendidikan dalam agama, pendidikan akhlak perlu diatasi supaya dicari suatu cara yang lebih berkesan, sama ada dari segi kurikulum dan melatih guru-guru yang berkemampuan hendaklah diambil perhatian ataupun dengan beberapa cara yang lain. Bukan sekadar untuk mengisi jadual sahaja oleh pihak yang berkenaan, sama ada dalam menangani mereka yang telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah ataupun yang belum terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Yang kedua, mendidik melalui cara pergaulan. Pergaulan boleh mendidik sama ada ke arah kebaikan ataupun ke arah keburukan. Kalau sekiranya pergaulan dilakukan dengan menyerapkan mereka yang dipulihkan, yang pernah dipulihkan ke dalam golongan yang baik ataupun mereka yang terlibat ke dalam golongan yang baik yang dapat menguasai keadaan dan memisahkan dengan rakan-rakan yang tidak baik, boleh mengubah kepada keadaan yang baik.

Begitu juga sebaliknya pergaulan bebas boleh melebarkan lagi pengaruh dadah, kerana pergaulan itu mestilah mewujudkan persahabatan dan pergaulan yang sepatutnya mestilah dengan orang-orang yang baik ataupun orang-orang yang soleh, yang boleh mendidik oleh sahabat yang lebih baik bukannya yang buruk mempengaruhi yang baik. Ini mesti dilakukan kerana di antara sebab terlibat dengan penagihan dadah juga ialah mewujudkan persahabatan yang tidak betul dan mereka yang telah dipulihkan di pusat

serenti ramai yang kembali semula, oleh kerana menjalin semula persahabatan yang jahat.

Cara program Rakan Muda kalau diatur dengan baik menjadi suatu cara untuk mendidik dan mengatasi masalah ini. Tetapi kalau tidak kena caranya, akan menimbulkan masalah, bukannya menyelesaikan masalah.

Berhubung dengan pergaulan dan persahabatan ini, Nabi kita Muhammad S.A.W. pernah menyatakan (*Dibaca dalam Bahasa Arab*) yang bermaksud, "sesungguhnya bandingan mendekati orang-orang yang baik, berkawan dengan orang-orang yang baik dan berkawan dengan orang-orang yang jahat, seperti mendekati orang yang memiliki bau yang harum dan mendekati tukang besi yang sedang membakar. Mendekati orang-orang yang memiliki bau yang harum, sama ada kamu membelinya ataupun kamu mendapat bau yang harum daripadanya. Mendekati tukang besi, sama ada kamu terkena bara apinya ataupun kamu mendapat baunya yang busuk."

Begitulah bandingan persahabatan, di mana pergaulan melalui persahabatan merupakan satu cara di dalam pendidikan. Sabda Rasulullah s.a.w. (*Dibaca dalam Bahasa Arab*), yang bererti, "seorang itu dilihat apakah perangai anutan pegangan agama, moral rakannya. Maka berhati-hatilah seorang di kalangan kamu memilih siapa kawannya." Di mana pendekatan melalui persahabatan, melalui kawan adalah satu aspek pendidikan di dalam membentuk peribadi, termasuk di dalam menghadapi masalah dadah yang berlaku hari ini.

Seterusnya pihak kerajaan juga mestilah melihat tentang pengaruh luar sama ada hiburan atau pelancongan yang tidak terkawal rapi sehingga mempengaruhi belia dalam negara kita. Perkara ini sebenarnya tidak boleh dipandang ringan.

Perlu diberi pandangan yang serius sebagaimana hiburan-hiburan yang melulu, sebaran am daripada Barat, daripada asing, hiburan-hiburan yang bercanggah dengan Islam yang menunjukkan contoh-contoh yang tidak baik, sama ada melalui media cetak ataupun elektronik sedang berlaku dalam keadaan yang tidak bertapis dengan cara yang sewajarnya, terutamanya di zaman perkembangan teknologi maklumat yang sedang berlaku sekarang ini. Tidak dinafikan ia juga boleh mempengaruhi pemikiran yang menggalakkan kepada keruntuhan akhlak.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang tidak berkesan perlu dilihat betapa diamalkan di dalam negara kita pada hari ini. Kerana kerajaan masih terus mempertahankan undang-undang Inggeris yang tidak ada roh untuk membentuk peribadi membangun manusia sejati. Sepatutnya gejala-gejala yang berlaku di Barat hari ini sudah cukup untuk kita meninggalkan dan kembali kepada syaria Islam secara menyeluruh untuk mengatasi masalah yang gawat ini. Demi kepentingan rakyat sama ada orang Islam ataupun orang yang bukan Islam, saya mencadangkan supaya pelaksanaan undang-undang syariah dalam semua aspek mestilah dilakukan.

Kerajaan gagal mengatasi masalah penyalahgunaan dadah kerana gagal menunjukkan contoh yang baik yang menyeluruh dalam menentang kemungkaran. Contohnya, masalah arak juga dibiarkan. Arak dan dadah adalah haram, kedua-duanya haram. Bahkan arak lebih najis daripada dadah. Kilang-kilang arak terus beroperasi sehingga arak dikeluarkan lebih daripada keperluan penagih arak dalam negeri sahaja, sebagaimana dadah juga begitu. Malaysia juga mempunyai tempat perjudian terbesar di Asia Tenggara tidak mengharamkan penjualan arak. Sistem Penerbangan Malaysia, pihak MAS sendiri, adalah

menunjukkan suatu contoh yang tidak baik. Bagaimana kita mahu mendidik anak-anak muda kita dengan akhlak yang baik, sedangkan kita tidak boleh menunjuk contoh yang baik dengan cara yang menyeluruh.

Masalah keruntuhan akhlak yang lain sehingga membawa kepada berlakunya jenayah-jenayah yang berat, seks, pembunuhan, kecederaan dan menjatuhkan maruah kemanusiaan, hukum jenayah Islam adalah penyelesaian paling baik. Adakah pihak Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman benar-benar diberi peranan untuk mengkaji dan memahaminya atau lebih bersikap politik kepartian tanpa tanggungjawab dalam menangani masalah ini.

Perlu dijelaskan, kegagalan undang-undang Barat kerana tidak memenuhi segala ciri naluri manusia. Sepatutnya sudah cukup untuk kembali ke pangkal jalan. Kerajaan tidak harus menolak syariah Islam dengan menimbulkan isu hukum hudud dengan tujuan beralih dan menakut-nakutkan syariah Islam yang menyeluruh. Bukan sahaja hanya diberi perhatian dalam aspek ekonomi secara terhad, tetapi wajib dilaksanakan dalam aspek-aspek yang lain, terutama dalam aspek moral yang menjadi ciri kesempurnaan kepada yang lain, bermula daripada menekankan perkara halal haram secara menyeluruh berhubung dengan akhlak sehinggalah tindakan undang-undang di dunia dan di akhirat.

Saya ingin mengulangi sekali lagi dalam persidangan ini, perkara yang pernah disebut dalam persidangan penggal yang lalu supaya pihak kerajaan melanjutkannya secara mendalam melalui pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan secara serius. Dalam membanteras keruntuhan akhlak dan kesalahan jenayah, Islam lebih mengutamakan seseorang itu bertaubat dengan menyedari adanya dosa pahala. Bertaubat diutamakan daripada tindakan

undang-undang. Hendaklah disedari adanya dosa pahala dan adanya hari pembalasan di hari Akhirat, lebih utama daripada mengheret seseorang itu di mahkamah untuk diambil tindakan undang-undang. Meminta kemaafan di dunia di kalangan manusia di luar mahkamah sebelum dibawa ke mahkamah hendaklah diutamakan. Inilah penyelesaian secara Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w. (*Dibaca dalam Bahasa Arab*) maksudnya, "Wahai manusia, sesungguhnya telah tibalah kamu masanya untuk berhenti daripada melakukan perkara-perkara yang haram seperti zina dan lain-lain. Sesiapa yang telah melakukan perkara-perkara yang keji ini, lalu ia disembunyikan oleh Allah, maka ia lebih baik bersembunyi dengan apa yang diberi oleh Allah kepadanya dengan ia bertaubat. Maka jika sekiranya ternyata kepadaku, maka aku mestilah menjatuhkan hukuman hudud kepadanya."

Imam Shafie R.A. menegaskan (*Dibaca dalam Bahasa Arab*) maksudnya, "Kami lebih suka sesiapa yang melakukan kesalahan yang melibatkan hukuman hudud ia bersembunyi, ia bertakwa kepada Allah, dia bertaubat dan tidak lagi mengerjakan maksiat. Sesungguhnya Allah Azzawajalla menerima taubat dari hamba-hambanya." Islam menetap kepada nas, hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah. Hukuman yang keras dalam dua perkara. Dalam kes jenayah membunuh yang berkaitan dengan hak manusia dinamakan qisas, di mana hukuman ini diberi hak pengampunan kepada mangsa atau keluarga. Sangat berbeza dengan undang-undang Barat, saya pernah sebut dalam persidangan yang lalu, undang-undang Barat yang diamalkan di dalam negara kita hari ini, orang yang dijatuhkan hukuman bersabit dengan kesalahan pembunuhan boleh dibatalkan hukumannya oleh Lembaga Pengampunan yang dipilih oleh kerajaan. Ada pun mengikut perundangan Islam, yang berhak

memberi pengampunan ialah mangsa kezaliman, sama ada mangsa yang dcederakan, yang masih hidup boleh mengampun ataupun keluarga si mati dan ditukar dengan pembayaran diat. Ini berbeza dengan undang-undang Barat, di mana cara yang dilakukan oleh undang-undang Barat tidak boleh memadamkan denda. Ada pun cara yang dilakukan oleh Islam dengan cara perdamaian yang baik di mana dia boleh meneruskan hukuman dan boleh dimaafkan, ditukar dengan bayaran ganti rugi.

Yang kedua, hukuman takzir, hukuman hudud. Hukuman hudud ialah melalui enam perkara yang tidak ada khilaf di kalangan ulama yang berhubung dengan rompakan, pencurian, berzina, menuduh berzina tanpa empat saksi, meminum arak dan riddah. Hukuman hudud juga adalah ditetapkan oleh al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w.

Yang ketiga, dalam perkara yang tidak ada nas daripada Al-Quran dan Hadis diberi hak kepada pemerintah, kepada badan kehakiman untuk menggubal apakah undang-undang yang layak, dengan syarat undang-undang itu mestilah dengan deraan yang mendidik dan tidak bersifat kezaliman. Untuk menjamin keadilan, dikenakan syarat-syarat yang ketat berhubung dengan hakim yang mengendalikan kes. Bukan sebarang orang yang boleh dilantik menjadi hakim, bukan sahaja mempunyai ilmu tentang perundangan. Tidak cukup dengan ilmu tentang perundangan, dia mestilah mempunyai akhlak yang mulia, di mana penekanan ini tidak ada di dalam undang-undang Barat.

Seorang yang menjadi hakim bukan sahaja ahli ilmu dalam undang-undang tetapi mestilah seorang yang adil, yang tidak melakukan dosa besar, yang tidak mengekali dalam kerja dosa kecil dan tidak melakukan perkara yang menjatuhkan maruah yang memalukan,

yang menjatuhkan harga diri, walaupun ianya tidak haram di mana hal-hal ini tidak ada dalam undang-undang Barat. Alangkah baik kalau kerajaan mengambil perkara ini sebagai suatu jalan bagi membetulkan sistem kehakiman yang ada dalam negara kita.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Hakim itu tiga jenis, dua jenis ke dalam neraka dan satu jenis ke dalam syurga". Dua jenis ke dalam neraka ialah hakim yang mengetahui perkara yang benar, lalu dia tidak menghukum dengan perkara yang benar. Yang kedua, hakim yang bebal, yang tidak tahu dia mahu menjadi hakim juga. Ini dua jenis dalam neraka. Ada pun satu jenis ke dalam syurga ialah hakim yang mengetahui perkara yang benar dan dia menghukum dengan cara yang benar.

Yang kedua, dalam perkara saksi, menurut Islam tidak boleh menjadi saksi sebarangan, tidak boleh mengambil saksi sebarangan, mestilah seorang saksi yang bermaruah, yang adil, yang beriman, yang tidak melakukan dosa besar, yang tidak mengekali dosa kecil dan tidak melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah di mana peraturan saksi di dalam negara kita hari ini tidak memenuhi hal-hal yang tersebut. Akibat daripada saksi yang tidak betul, maka boleh berlaku kezaliman. Sebagai suatu contoh, dalam kes pengedaran dadah yang membawa kepada hukuman mati mandatori yang begitu keras, saksinya tidak cukup syarat, syarat akhlak, syarat moral sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam, mungkin ia berlaku dengan cara fitnah, dengan cara pembohongan yang tidak dikawal secara rohani, secara akhlak yang mulia. Dan begitu juga orang yang dituduh, Islam memberi penekanan bahawa orang yang dituduh, dia tidak bersalah, dia hanya dituduh sahaja dan dia tidak boleh dipaksa orang yang mengaku salah dengan dipaksa tidak sah pengakuannya di dalam Islam

Adakah akhlak-akhlak terhadap orang yang dituduh berlaku dalam negara kita pada hari ini? Kita banyak membaca kes yang berlaku dalam suratkhbar, berlakunya penderaan, berlakunya seksaan, berlakunya berbagai-bagai dan ada kematian yang menggemparkan negara kita. Ini menunjukkan bahawa terdapat keruntuhan moral di dalam mengendalikan keadilan.

Begitulah juga di dalam menjatuhkan hukuman, mestilah dengan cara yang berakhlak, dengan cara yang mendidik, dengan cara yang mengajar, sama ada kepada penjenayah ataupun kepada masyarakat umum yang perlu dididik supaya tidak melakukan perkara-perkara jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada masalah pelaburan asing yang pesat berlaku di dalam negara kita pada hari ini. Seluruh rakyat termasuk pembangkang mahu negara kita menjadi negara maju, tetapi di dalam kita mengejar kedatangan pelabur-pelabur asing, kita perlu berhati-hati dan perlu membuat suatu perkara yang benar-benar mengembalikan pulangan yang membawa kepada kemajuan negara kita. Kita mahu pemindahan teknologi benar-benar berlaku ke dalam negara ini. Kita tidak mahu pelabur-pelabur asing yang datang ke negeri ini dari kalangan mereka yang bakhil untuk memindahkan teknologi yang hanya akan menjadikan negara kita sebagai pengkalan penjajahan ekonomi kerana kita melihat suatu perkara yang berlaku dalam dunia, bukan sahaja mereka mencari negara-negara kecil, negara-negara lemah sebagai pengkalan tentera untuk kepentingan pertahanan mereka, mereka juga mencari negara-negara lain untuk dijadikan pengkalan bagi kepentingan ekonomi mereka.

Sekiranya di dalam menerima pelabur asing, dengan cara yang tidak teliti, dengan cara yang tidak cermat, dengan cara yang

tidak memberi pulangan dalam memindahkan teknologi kepada pembangunan negara, maka kita hanyalah akan menjadi alat untuk kemajuan ekonomi mereka. Kita sekarang baru di peringkat mukaddimah, belum lagi sampai kepada peringkat pertengahan jalan dan penghujung. Sebelum sampai kepada penghujung yang membebaskan kita, maka pihak kerajaan hendaklah memberi suatu perhatian yang berat dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin mengingatkan kerajaan berhubung dengan Dasar Luar Negeri. Di dalam masalah luar negeri, kita melihat ada tanda-tanda yang menunjukkan kerajaan menuju ke arah mengiktiraf wujudnya negara Israel. Negara Israel adalah sebuah negara haram. Hubungan dengan Israel bukan sahaja dinilai dari segi kepentingan antarabangsa, ia juga perlu dinilai dari segi agama. Negara Palestine adalah negara milik Islam, negara Nabi-nabi dan Rasul-rasul alaihimussalatu wassalam. Negara yang diiktiraf sebagai negara Nabi-nabi oleh semua agama besar di dalam dunia ini.

Oleh kerana itu, kita perlu menyedari penubuhan negara Israel adalah secara taksuf, secara fanatik agama yang tidak boleh diterima oleh orang Islam, tidak boleh diterima oleh orang Kristian dan tidak boleh diterima oleh beberapa kalangan orang-orang Yahudi sendiri. Di situ terletaknya tempat suci tiga agama yang besar. Sejarah telah membuktikan bahawa Islam telah memberi khidmat yang sebaik-baiknya kepada penganut agama lain apabila Islam memerintah di negara Palestin. Oleh kerana itu, adalah wajar diberi hak yang asal kepada penganut agama Nabi dan Rasul alaihimussalatu wassalam.

Dan kita melihat, kerajaan juga, Alhamdulillah, tidak terjebak di dalam satu persidangan yang dianjurkan oleh

Amerika dan beberapa buah negara di Asia Barat - Persidangan Anti Keganasan yang lebih dipengaruhi oleh Israel kerana berlakunya pengeboman oleh Gerakan Hamas terhadap orang-orang Yahudi di Palestine. Apa yang menjadi persoalan kepada kita, mengapa persidangan itu tidak dilakukan ketika penyembelihan terhadap orang Islam yang sedang bersembahyang Subuh di pagi hari Jumaat beberapa tahun yang lalu? Persidangan diadakan apabila giliran orang Yahudi menerima hukuman dan kita perlu memahami bahawa orang Yahudi yang menjadi sasaran Hamas dalam pengeboman yang berlaku itu adalah mereka yang terlibat dengan ketenteraan kerana seluruh rakyat Yahudi adalah tentera.

Kita perlu menyedari bermula daripada Presiden sehingga Perdana Menteri dan Menteri adalah bekas jeneral-jeneral dan rakyatnya lelaki dan perempuan adalah dilatih dengan semangat ketenteraan dan mereka mempunyai suatu semangat untuk mengembangkan kembali wilayah empayar Yahudi yang didakwa oleh mereka empayar yang pernah didirikan oleh Nabi Sulaiman a.s. Maka adalah wajar bagi kita menganggap persidangan anti keganasan yang dilakukan itu adalah suatu cara yang berat sebelah, bukan untuk menentang, bukan untuk menegakkan keadilan tetapi untuk memberi simpati kepada keganasan yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi.

Adalah tidak wajar bagi kita terlalu cepat di dalam membuat penilaian sama ada mengiktiraf Israel ataupun mengadakan hubungan dagang dengan negara Israel dalam suasana dan keadaan Israel tidak boleh menunjukkan suatu sikap yang benar-benar jujur di dalam perjanjian Asia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah beberapa perkara yang dapat saya sebut dalam ucapan ini, mudah-mudahan

menjadi renungan kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbincangan ini, saya akan menghadkan tempoh untuk setiap orang kepada 20 minit. Parit Sulong.

5.10 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Yang di-Pertuan Agong yang telahpun memberi Titah Diraja kepada Dewan ini Isnin lalu. Di dalam Titahnya, Baginda menyebutkan bahawa teknologi maklumat telah dikenal pasti sebagai satu teknologi penggerak yang strategik untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat. Dalam konteks ini, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) telahpun mengenal pasti penggunaan teknologi maklumat dalam beberapa projek besar termasuk koridor multimedia (MSC) yang merangkumi KLCC di utara dan Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dititahkan oleh Yang di-Pertuan Agong adalah relevan kerana hari ini adalah zaman networked intelligence ataupun kebijaksanaan yang harus dirangkaikan. Hari ini adalah hari bermulanya networked intelligence dan Information Technology (Teknologi Maklumat). Kedua-duanya akan menjadi wadah kepada bentuk masyarakat kita di masa akan datang. Pada ketika itu, bukan sahaja ekonomi akan berubah kepada digital, kalau ada lagi sistem demokrasi, sistem itu akan menjadi cyber - democracy. Pada ketika itu, industri juga perlu berubah dan kita memerlukan satu golongan kepimpinan

di mana mereka dituntut mempunyai orientasi IT yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya amat mengagumi usaha kerajaan Malaysia yang telahpun memutuskan untuk mewujudkan ibu pejabat kepimpinan negara di Putra Jaya di mana bandar Putra Jaya akan menjadi satu bandar yang canggih, bandar bijaksana ataupun intelligent city. Saya harap, di dalam kita membina infrastruktur multimedia, infrastruktur teknologi maklumat negara, kita harus membukakan peluang-peluang ini kepada pihak yang melihat ke seluruh dunia. Jangan kita hanya menumpukan hanya kepada region yang menjadi favorite kita. Contohnya, jangan kita menumpu ke Jepun. Bukannya semua teknologi di Jepun adalah intelligent. Kemungkinan di Jepun ada juga dumb technology. Di samping itu, apabila kita berbincang mengenai IT, jangan kita melihat kepada sektor computing sahaja. Kita harus melihat kepada sektor aplikasinya, sektor penggabungan sistemnya (integration system), kepada sektor providersnya sama ada akses providers ataupun content providers. Kita harus melihat seluruh sistem yang sekarang ini telah menjadi landasan kepada perkembangan information technology di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kita menjadikan Malaysia sebagai satu koridor besar multimedia (multimedia super corridor) kita harus menerima hakikat bahawa multimedia super corridor, internet serta World Wide Web akan mengubah struktur hidup seluruh rakyat. Apabila struktur hidup rakyat berubah, ekonominya akan berubah, perindustriannya akan berubah, mentalitinya akan berubah dan politiknya juga akan berubah. Jadi, apakah perancangan kita untuk menangani perubahan ini secara interim. Apakah pula perancangan kita untuk jangka panjang. Persoalan-persoalan ini mungkin berbentuk proaktif. Tetapi, realitinya tidak

boleh dinafikan kedatangannya. The era of information technology, the age of information technology, dengan izin, ataupun era teknologi maklumat akan tiba. Tidak ada siapa boleh menafikan hakikat ini. Apakah persiapan kita dari segi human resourceny? Apakah persiapan kerajaan dari segi tenaga manusia untuk menagai era ini? Apakah kita telah sedia? Adakah sistem pendidikan kita telah sedia? Atau adakah pihak swasta juga harus didorong untuk membekalkan tenaga manusia untuk era ini? Atau adakah pihak kerajaan akan melaksanakan apa yang dikenali sebagai networked intelligence?

Adakah kita akan mewujudkan rangkaian-rangkaian kerjasama untuk mencedok, menciplak dan juga menggunakan teknologi dan kepakaran orang asing untuk mengembangkan teknologi maklumat di Malaysia? Sekiranya ini perlu dilaksanakan, bagaimanakah struktur perancangannya?

Jika kita bercadang mengembangkan teknologi maklumat menerusi pemindahan teknologi, kita harus dipastikan sama ada transfer of technology ini akan dijalankan seikhlas-ikhlasnya. Saya mempersoalkan perkara ini kerana rasanya rakyat Malaysia telahpun lama membincangkan masalah transfer of technology. Kesannya agak perlahan. Hari ini saya mendengar Ketua Pembangkang bercakap mengenainya. Ahli Parlimen dari Marang walaupun hanya menyebut masalah teknologi maklumat secara seimbab lalu, juga membangkitkan isu transfer of technology. Oleh itu saya berharap, di dalam kita menyediakan satu multimedia super corridor di negara ini, dan apabila kita bercakap mengenai economy of scope dan economy of space, bukan lagi economy of scale, kita akan bercakap mengenai economy of scope, economy of space, apabila kita berusaha menguasai ruang angkasa ASEAN untuk menjadi satu regional multimedia super corridor. Kita

wajar menyediakan sumber manusia yang akan menjayakannya. Persoalan ini saya minta bukan sahaja harus ditangani oleh Kementerian Pendidikan. Ia juga harus sama-sama ditangani oleh Kementerian Teknologi dan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini setiap 10 kerja baru yang diwujudkan di Amerika Syarikat, 8 berkaitan dengan teknologi maklumat. Ini bermakna 80% daripada kerja-kerja baru yang wujud di Amerika Syarikat pada hari ini merupakan kerja yang berkait rapat dengan teknologi maklumat. Teknologi maklumat pula memerlukan pekerja yang knowledge base, atau pekerja yang mempunyai ilmu yang tinggi. Apabila kita mengatakan bahawa teknologi maklumat memerlukan pekerja yang berilmu tinggi, bagaimanakah kedudukan pekerja kita pada masa akan datang? Adakah pekerja kita yang sekarang ini berada di kilang-kilang elektronik akan menjadi satu kumpulan warganegara (citizen) yang diketepikan (displaced) dan dikesampingkan oleh ledakan teknologi maklumat. Walaupun pihak kerajaan mempunyai banyak insentif kepada pihak swasta untuk mendidik, melatih, up-grade dan menganjurkan kursus-kursus refresher untuk meningkatkan daya usaha sumber manusia, adakah pihak swasta ini dikesan aktiviti mereka untuk melakukan perkara ini dengan secara ikhlas? Jangan mereka diberi kemudahan dan insentif untuk mendidik dan melatih pekerja, tetapi pada suatu masa nanti, iaitu apabila realiti akan datang menemui kita pekerja-pekerja ini, mereka akan ketinggalan. Sekarang ini 80% dari pekerja-pekerja ini adalah anak bumiputera.

Oleh itu, apabila kerajaan merancang pembangunan information technology (teknologi maklumat), kita harus mempunyai satu dasar yang terperinci mengenai teknologi maklumat. Janganlah perancangan itu kelak akan mewujudkan

satu masyarakat yang terbelah kepada dua, satu yang mempunyai kuasa information technology dan satu lagi yang tidak mempunyai apa pun mengenai information technology. Golongan kedua di manakah letaknya?

Apabila kita mengatakan mengenai information technology di masa akan datang, sektor pertanian pun memerlukan kecanggihan dalam teknologi ini. Jadi, saya harap kerajaan harus serius dalam hal ini. Apabila Menteri Pendidikan kata akan membekalkan komputer ke sekolah-sekolah, jangan hanya membekalkan software dan hardware sahaja. Beliau harus membekalkan tenaga yang akan mengajar dan mendedahkan anak-anak kita kepada teknologi maklumat. Apabila Menteri Belia mengatakan akan menyediakan satu vokasional di dalam bidang computer, janganlah beliau melihat kepada hardware sahaja. Harus dibekalkan juga kepakaran-kepakaran lain yang berkaitan dengan information technology seperti electronic publishing, telecommunication dan sebagainya.

Perancangan sumber manusia untuk era teknologi maklumat memerlukan tenaga yang harus digemblengkan supaya mengarah kepada maklumat yang benar supaya di masa akan datang, Malaysia tidak mewujudkan dua masyarakat yang berbeza di antara yang menguasai kepakaran information technology dengan satu lagi golongan warganegara yang tidak langsung menguasai teknologi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek lagi yang harus tidak dilupakan apabila kita bercadang menjadikan Malaysia sebagai satu multimedia super corridor adalah soal-soal keselamatan maklumat peribadi dan rahsia rasmi. Apabila orang mula berbicara mengenai era teknologi maklumat, mereka mula membincangkan masalah privacy dan security iaitu masalah peribadi, kerahsiaan dan juga masalah keselamatan.

Siapakah yang akan menentukan dan memastikan keselamatan seluruh maklumat yang akan dimasukkan ke dalam sistem komputer? Soal ini penting kerana sekarang ini wujud apa yang dikatakan sebagai cyber - criminals atau cyberhackers ataupun lanun-lanun angkasa raya. Kehadiran kepakaran cyberhackers ini terbukti di dalam negara kita sendiri apabila Asia Connect, sebuah syarikat yang membekalkan akses kepada beberapa syarikat yang memasuki Internet, seperti *Utusan Malaysia*, membuat satu cabaran umum menerusi suratkhbar ahawa sesiapa yang boleh menerobosi perkhidmatan mereka, orang berjaya akan diberi hadiah. Kini terbukti ada orang telah boleh memecahkan sistem itu, biarpun atas satu dorongan incentive atau reward. Tetapi bagaimanakah jika orang-orang yang menjadi lanun-lanun angkasa raya ataupun cybercriminal - yang bermotivasikan fraud, yang mahu menjalankan espionage, orang-orang yang bekerja untuk badan-badan perisikan dan detektif. Bagaimanakah jika orang-orang yang menjadi cyberhackers ini adalah orang-orang yang diupah untuk mencuri industrial information, umpamanya. Bagaimanakah kalau sekiranya anak-anak kita atas satu dorongan untuk mencari experiment atau pengalaman remaja akan menerobosi sistem maklumat yang penuh rahsia?

Sebab itulah apabila Putrajaya menjadi pusat electronic government, saya harap aspek keselamatan maklumat ini akan diberi pertimbangan yang paling-paling wajar dan paling-paling serius. Bagaimanakah kita mahu membekalkan security kepada maklumat kita? Saya tidak kiralah kalau DAP mempunyai homepage di Internet. DAP has nothing as a secret. Tetapi, kalau kerajaan mempunyai maklumat yang lebih besar daripada DAP, bagaimanakah apabila cyberdemocracy menjadi hyperdemocracy? Bagaimanakah apabila DAP telah mempunyai kepakaran yang besar mengenai maklumat, dia pun

menjadi salah satu lanun angkasa raya berkenaan? Apa akan terjadi kepada negara kita?

Soalnya sekarang, siapa yang perlu menangani, siapa yang akan menjadi polis kepada hal ini. Hari ini belum ada satu perkara yang definit mengenai security ini. Apabila kita berkata mengenai information technology, belum ada perkara yang definite. "Cyberspace has no real law and order". Internet - belum mempunyai law and order, tidak ada undang-undang yang boleh melindungi keselamatan rahsia dan maklumat rasmi atau peribadi.

Tuan Yang di-Pertua. Ini membayangkan bahawa orang yang menjadi lanun ini, orang yang menjadi cyberhackers, adalah lebih sophisticated daripada orang yang mencipta sistemnya. Penetration ataupun orang yang dapat menembusi, yang dapat menerobosi sistem komputer adalah terlalu banyak pada tiap-tiap hari, tetapi tidak dilaporkan kerana mungkin menjadi satu rahsia industri dan sebagainya.

Hackers tool are more sophisticated, dengan izin. "Senjata yang digunakan oleh lanun angkasa selalunya lebih canggih dari sistem yang wujud". Pernah satu ketika dahulu sistem yang dikuasai oleh FBI dan CIA pun dipecah juga.

Sekarang ini kita menggunakan ATM, satu sistem yang amat dikenali oleh ramai dan akan menjadi obsolete tidak lama lagi. Berapa banyak orang yang mengadu sistem ATM itu orang boleh pecahkan juga? BSN satu ketika dahulu berhadapan dengan masalah ini apabila wang seseorang itu tiba-tiba sudah hilang dari akaunnya.

Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin satu perkara yang hypothetical, tetapi saya minta pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menjadikan Malaysia multimedia

supercorridor, mengambil kira dengan serius, prihatin dan dengan teliti oleh kerana kita akan menjadi contoh kepada dunia.

United Nation Headquarters bukannya satu intelligent building. White House bukannya satu intelligent building. Tetapi Putrajaya akan menjadi satu intelligent building. Ini bermakna bahawa apa yang akan menjadi dan menjelma di Putrajaya akan menjadi world reference, akan menjadi rujukan dunia. Kalau kita dapat mewujudkan dan menggembelng satu sistem protection yang boleh dikatakan 95% hackers proof, tidak boleh dipecahkan oleh lanun-lanun angkasa, kita akan menjadi world reference. Dalam kita menyokong rancangan dan visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rasa kami bertanggungjawab untuk menengahkan masalah-masalah ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai apa yang sedang berlaku dan berpunca dari kenyataan Peguam Negara. Saya berpindah daripada cyberspace kepada Peguam Negara. Sejak perlantikannya, saya melihat Peguam Negara yang ada hari ini, seolah-olah melebihi ahli politik daripada Peguam Negara. Beliau cakap banyak dan tidak tepat pada masanya. Selalunya kata-kata yang mungkin dikeluarkan oleh beliau adalah berbangkit daripada soalan oleh akhbar. Ini menjadikan beliau mungkin tidak mempunyai peluang untuk merujuk kepada background papers yang wajar. Akhirnya beliau menimbulkan kontroversi.

Saya harap perkara ini diberhentikan serta-merta kerana apabila masalah perundangan dan sistem perundangan negara mula dipersoalkan dan diperdebatkan di kedai kopi, apakah erti perkara ini? Saya berharap pihak kerajaan mengambil perkara ini secara serius. Apabila Peguam Negara telah bersuara seolah-olah sebagai seorang politik dengan

kenyataan yang agak terumbang-ambing, saya rasa perkara ini adalah tidak betul. *(Tepuk)* Saya tidak memerlukan sokongan pihak Pembangkang kerana ini realities. *(Tepuk)* Ini realitinya, Tuan Yang di-Pertua!

Apa perlunya masalah surat layang menjadi front page? Apa perlu apabila beliau berada di Sabah ataupun Sarawak baru-baru ini membuat kenyataan fasal surat layang? Surat layang boleh ditangani secara departmental. Dengan satu memo daripada Peguam Negara kepada IGP, dia boleh jalankan tugas! Adakah perlu dihebah-hebahkan sehingga sekarang ini menjadi bahan politik eksklusif kepada pihak Pembangkang di sebelah sana? Adakah perkara ini diketahui oleh umum sekiranya Peguam Negara tidak bercakap kepada pihak akhbar?

Jadi, saya harap Peguam Negara maintain the quorum. Saya harap pihak Peguam Negara supaya kurang bercakap. Kita bukan hendak gam beliau. Kita menghormati profesion ini - kerana ultimately beliaulah yang akan menjaga segala apa yang kita gubal di sini, apa yang kita luluskan di sini. Beliau akan menguruskannya. Beliau akan mentafsir dan beliau akan menangani secara bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta izinlah. Kawan-kawan cakap, panjang sedikit. Saya tengah hendak naik "steam" sikit ini.

Jadi, saya harap Peguam Negara diizinkan bercakap tetapi bercakap dengan proper background papers. Peguam Negara boleh bercakap tetapi cakap-cakap yang jitu, jangan menimbulkan loopholes sehingga boleh dieksploit oleh pihak-pihak yang menentang kerajaan dan pihak-

pihak yang tidak suka kepada kerajaan dan pihak-pihak yang menjadikan kenyataannya sebagai satu bahan untuk membunuh kerajaan. Kami ahli-ahli politik bermati-matian menjaga sokongan kerajaan di setiap pelusuk negara ini. Tiba-tiba Peguam Negara buka mulut, "pup" habis. Saya harap perkara ini dipandang serius Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sahabat saya, Naib Ketua Pemuda sekarang, pernah mengingatkannya, tidak dengar juga. Jadi, saya harap perkara ini dibincang di peringkat yang paling tinggi sekali. Haruskah Peguam Negara diizinkan membuat kenyataan secara sembrono? Haruskah Peguam Negara membuat kenyataan sebegini walaupun tidak mempunyai background papers yang cukup mengenainya? Haruskah perkara-perkara departmental dihebohkan oleh Peguam Negara menerusi kenyataan akhbar? Saya harap perkara ini diberhentikan serta merta sekiranya masalah perundangan dan kredibiliti rakyat terhadap pentadbiran undang-undang mahu dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Keningau.

5.42 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan berbilang-banyak terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang telah dilafazkan di Dewan yang mulia ini.

Saya merasa amat bertuah sekali lagi kerana dapat mendengar nasihat-nasihat, seruan-seruan serta penekanan-penekanan

oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini disebabkan Titah Ucapan itu mempunyai kandungan kenyataan yang patut diberi perhatian wajar dan tindakan yang benar.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi melebihi 8% selama 8 tahun berturut-turut dan ini kita semua boleh banggakan. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, adakah dengan kebanggaan ini dan kenyataan berulang-ulang bermakna bahawa semuanya dalam perancangan yang dibuat telah pun selesai dilaksanakan dan tidak ada lagi yang perlu ditegur atau tidakkah ada lagi cadangan yang boleh dikemukakan demi untuk memperbaiki dan memastikan prestasi yang lebih banyak dan menyeluruh.

Dalam pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kebanggaan terhadap prestasi yang telah menjadi kenyataan sejarah itu hanya meninggikan lagi harapan kita terhadap pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini dalam beberapa hari lagi. Mungkin barangkali bagi rakyat Malaysia di Semenanjung, pelaksanaan beberapa Rancangan Malaysia yang sudah berlalu telah berjaya dilakukan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, bagi kami dari Sabah, Malaysia Timur, terdapat kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan Rancangan-rancangan Malaysia. Satu contoh yang ketara sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan beberapa buah sekolah. 67 buah yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Keenam yang mana hanya 12 buah sekolah sahaja yang telah siap dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, ini hanyalah berkaitan dengan penyediaan infrastruktur untuk pendidikan. Apa kata dengan tujuan Rancangan Malaysia yang lain serta janji-janji pembangunan dan kemudahan-kemudahan yang dibuat semasa pilihan raya dan berasaskan perjanjian Malaysia? Adakah pelaksanaan dari segi objektif Wawasan 2020 telah

tercapai dengan memuaskan atau adakah dengan kehairahan prestasi pertumbuhan ekonomi yang tinggi telah membuatkan kerajaan kurang sensitif terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri yang di luar Kuala Lumpur serta rakyat Malaysia seperti di negeri Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan harapan yang dititahucapkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa kerajaan akan meningkatkan kemajuan di dalam berbagai-bagai bidang dan menambahkan kemajuan untuk rakyat. Ini bererti bahawa kemajuan yang diharapkan adalah bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi merangkumi pencapaian dari segi keselamatan, perpaduan, persefahaman, pendidikan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, persefahaman adalah asas perpaduan. Ini memerlukan penerimaan bahawa setiap warganegara Malaysia haruslah diterima dengan tulus ikhlas sebagai sebahagian dari keluarga bangsa Malaysia yang perlu diwujudkan. Tidak boleh dinafikan bahawa Semenanjung memang jauh dari Sabah dan Sarawak dan tidak boleh dinafikan bahawa negara Malaysia telah dibentuk oleh ketiga-tiga wilayah ini bersama dengan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, setelah perundingan dibuat dan Perjanjian Malaysia dibuat dan dipersetujui, harapan rakyat di negeri Sabah dan saya percaya juga di negeri Sarawak ialah supaya syarat-syarat Perjanjian Malaysia serta Perkara 20 yang menjadi asas perundingan dan perjanjian dihormati dan dilaksanakan dengan tulus ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan demikian kerana pembentukan Malaysia seperti juga pembentukan Malaya adalah dengan persetujuan semua pihak. Ini disebabkan tujuan yang baik untuk mengelakkan pembangunan dan kemajuan

rakyat Malaysia di negeri Sabah dan Sarawak tidak terjejas dan negeri-negeri diberi kepercayaan untuk mentadbir negeri mereka berasaskan hak-hak dan syarat-syarat yang sudah dipersetujui. Penghormatan yang sewajarnya patut diberi kepada Perjanjian Malaysia dan syarat-syarat yang sudah dipersetujui. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-akhir ini terdapat suara dan seruan negatif yang dikeluarkan yang tidak menyenangkan hati rakyat Malaysia di negeri Sabah ataupun negeri Sarawak. Yang lebih sedih lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa suara dan seruan ini datangnya daripada Ketua Pemuda UMNO di mana baru-baru ini dia telah membuat satu kenyataan akhbar dan meminta supaya Perkara 20 negeri Sabah dan negeri Sarawak dimansuhkan.

Saya merasa amat kesal sekali kerana Ketua Pemuda UMNO telah sengaja menimbulkan cadangan untuk menghapuskan Perkara 20 baru-baru ini. Saya berharap pendirian Ketua Pemuda UMNO tidak membayangkan dasar Pemuda UMNO khususnya dan UMNO keseluruhan dan amnya. Saya memohon kepada Ketua Polis Negara supaya menyiasat kenapa Ketua Pemuda UMNO itu tergamak menimbulkan perkara yang sangat sensitif seperti pemansuhan Perkara 20. Saya juga minta agar Ketua Polis Negara menyiasat laporan sebuah akhbar yang menyebut...

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun minta jalan. Hendak beri jalan kepada Timbalan Menteri?

Datuk Joseph Pairin Kitingan: 20 minit sahaja. Minta maaf sahajalah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Cuma minta penjelasan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Kalau ditambah masa, boleh.

Dato' Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Terpulang kepada Yang Berhormat hendak beri atau tidak beri.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Masa terlalu singkat. Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri. Minta duduk Yang Berhormat.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta agar Ketua Polis Negara menyiasat laporan sebuah akhbar yang menyebutkan Perdana Menteri sebagai telah berkata bahawa rakyat Sabah tidak marah tentang kenyataan Tan Sri Rahim Tamby Chik kerana tidak ada rusuhan. Apakah tujuan kenyataan seperti ini? Adakah ini tidak menggalakkan orang Sabah membuat rusuhan? Sedangkan kita diminta supaya tidak bermusuhan kerana ingin membentuk bangsa Malaysia yang penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, ini perkara adalah amat sensitif kerana Perkara 20 ini sudah dipersetujui sebagai asas Perjanjian Malaysia. Kenapa pula bila sudah berkahwin dengan syarat-syarat tertentu, syarat-syarat itu sekarang mahu dihapuskan? Apakah ertinya ini Tuan Yang di-Pertua? Ini bererti Perjanjian Malaysia dan pembentukan Malaysia tidak

dihormati dan ini amat merbahaya Tuan Yang di-Pertua kerana ini bererti bahawa rakyat di Negeri Sabah dan juga di Negeri Sarawak tidak diterima sebagai rakyat Malaysia dalam erti kata yang sebenar. Ini bererti bahawa kita ini adalah second class citizen, dengan izin. Sedangkan orang-orang asing diberi layanan yang lebih mirip sebagai warganegara Malaysia kerana di Negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua, ramai orang asing dibiarkan masuk tanpa izin, diberi kad pengenalan biru dan dibenarkan mengundi sebagai phantom voters, dengan izin, atau pengundi-pengundi hantu.

Tuan Yang di-Pertua, kami di negeri Sabah bertanya apakah tujuan Ketua Pemuda UMNO mengumumkan kenyataan yang merosakkan persefahaman dan menyinggung perasaan rakyat Malaysia di negeri Sabah...

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun lagi.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: serta merosakkan ketenteraman...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Datuk Joseph Pairin Kitingan: ... tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): ... tidak mahu beri jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini fakta penting, Yang Berhormat.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Mungkin barangkali tidak dirasai oleh pemuda UMNO.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: ... bahawa ini sensitif, tetapi kita perlu peka kepada perasaan warganegara Malaysia yang mempunyai hak-hak tertentu seperti juga hak-hak kaum Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa perkara ini telah dijelaskan oleh Ketua Pemuda UMNO di dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO. Namun tidak ada sekalipun tanda bahawa Ketua Pemuda UMNO meminta maaf kepada rakyat Malaysia di negeri Sabah atau di negeri Sarawak.

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, agar Ketua Pemuda UMNO will have it in his heart to apologize to the Malaysian in Sabah and Sarawak, dengan izin, supaya.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan. Yang Berhormat.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: supaya peningkatan persefahaman di antara semua rakyat Malaysia dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kerajaan merasa amat bangga kerana keselamatan, kesejahteraan dan keamanan negara dikatakan sentiasa terpelihara, namun kita seharusnya tidak boleh begitu complacent di dalam soal keselamatan negara ini, memandangkan terdapatnya kehadiran beratus ribu pendatang asing tanpa izin dalam negara kita Malaysia.

Di Semenanjung nampaknya kerajaan bersungguh-sungguh bukan sahaja menghantar balik mereka yang sudah berada di dalam Malaysia ke negara masing-masing, tetapi berusaha sedaya-upaya untuk menyekat kedatangan pendatang asing tanpa izin ini ke dalam negeri-negeri di Semenanjung. Usaha ini memang mendapat pujian daripada rakyat di negeri-negeri yang didatangi oleh pendatang-pendatang asing tanpa izin, kerana bukan sahaja mereka merasa lega di segi keselamatan semata-mata, tetapi mereka tahu masa depan dan hak-hak mereka akan terus terjamin dan terpelihara. Dengan pengusiran terhadap pendatang-pendatang asing tanpa izin daripada muka bumi yang bertuah, yang mereka diami selama ini, bak kata pantun Melayu:

*Jangan dipagar nyiur yang condong;
Jatuhnya nanti di halaman orang;
Bumi dipijak, langit dijunjung;
Berdiri tegak bukannya lalang.*

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita berdoa dan berharap semoga kerajaan mengambil langkah-langkah dan tindakan yang serupa terhadap pendatang-pendatang asing tanpa izin Sabah, yang bukan sahaja menimbulkan masalah keselamatan dan sosial di negeri itu, tetapi juga akan menjejaskan dan menggugat kedudukan dan nasib masa depan rakyat Malaysia di negeri Sabah. Kenapa tidak begitu Tuan Yang di-Pertua? Kerana sekarang sudah beratus ribu pendatang asing tanpa izin sudah diberi kad pengenalan sewenang-wenangnya dan sudahpun menjadi pengundi.

Jumlah pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah kini tidak kurang daripada 500,000 orang dan kalaulah mereka ini semua diberi atau dibekalkan dengan kad pengenalan, maka sudah tentu mereka akan menuntut hak yang sama seperti yang ada pada anak-anak bumiputera Sabah. Ini terbukti pada tahun yang lalu, di mana beberapa orang pendatang asing tanpa izin yang mendapat kad pengenalan mungkin secara haram dengan berani hendak bertanding jawatan tinggi di peringkat bahagian parti UMNO (Baru) di Sabah. Kerana takut trend ini merebak dan menular, maka kerajaan telah menangkap mereka ini di bawah Undang-undang ISA. Itu di dalam soal kepimpinan parti UMNO (Baru) di mana pucuk pimpinan berasa takut parti itu akan lambat-laun disusupi dan dikuasai oleh pendatang-pendatang asing tanpa izin terutama sekali di Sabah.

Bagaimana pula soalnya tentang kepentingan dan nasib masa depan rakyat Malaysia yang tulen di negeri Sabah, kalau semua pendatang asing tanpa izin ini dijadikan rakyat Malaysia sewenang-wenangnya. Sanggupkah kerajaan, tergamakkah kerajaan melihat rakyat Malaysia yang tulen di negeri Sabah jadi pelarian di negeri sendiri?

Banyak bukti bahawa pendatang-pendatang asing tanpa izin di Sabah dibekalkan sama ada dengan kad pengenalan palsu ataupun tulen kemudian didaftarkan sebagai pengundi. Sebagai contoh mereka menggunakan alamat ibu pejabat UMNO Kota Kinabalu, apabila mendaftarkan sebagai pengundi. Ini boleh kita dapati di dalam counter foil borang pendaftaran untuk menjadikan pengundi.

Begitu juga di dalam proses siasatan awam terhadap buku daftar pemilih di mana pendatang-pendatang asing tanpa izin yang telah didaftarkan sebagai pengundi. Apabila disoal telah mengaku mereka ini lahir dan berasal sama ada

daripada Filipina ataupun Indonesia, tetapi terdapat butir-butir di dalam kad pengenalan bahawa mereka ini kononnya dilahirkan di negeri Sabah dan anehnya kenapa pula kelahiran mereka ini hanya disokong dengan sijil akuan sahaja, bukan sijil beranak. Ada pula yang menggunakan alamat yang tidak wujud di negeri Sabah. Ini ketara ianya dibuat-buat oleh pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara yang tidak bertanggungjawab. Ada pula nama-nama dan nombor-nombor kad pengenalan yang tidak wujud semasa mempamerkan buku daftar pemilih, tetapi apabila pilihan raya diadakan nama-nama dan nombor-nombor kad pengenalan mereka ada pula tercatat di dalam buku daftar pemilih. Persoalannya adakah Suruhanjaya Pilihanraya telah bermain silap mata, sekejap tiada, sekejap ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengingatkan pihak Suruhanjaya Pilihanraya supaya melindungi perlembagaan dan demokrasi di Malaysia. Maksud saya ialah pendaftaran pengundi-pengundi seluruh negara dilakukan menurut peruntukan dalam perlembagaan dan juga undang-undang. Rakyat asing tidak patut diberi peluang untuk menjadi pengundi semasa pilihan raya. Semua peruntukan yang sedia ada dalam peraturan-peraturan pendaftaran pengundi mesti dipatuhi. Kakitangan yang ditugaskan sebagai pegawai pendaftaran pengundi haruslah dilatih dengan sebaik-baiknya supaya mereka faham tentang tugas dan tanggungjawab mereka terhadap negara. Kalau orang asing sudah berkuasa untuk menentukan keputusan pilihan raya dalam negara ini, adakah keselamatan negara kita masih terjamin. Saya berharap pihak Kerajaan Persekutuan tidak memandang perkara ini ringan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara penting yang saya ingin sentuh ialah kewarganegaraan. Keamanan dan kemakmuran dalam negara kita tidak patut

digadai oleh sesetengah pegawai Jabatan Pendaftaran Negara yang tidak bertanggungjawab kerana bersubahat mengeluarkan kad-kad pengenalan palsu.

Peruntukan mengenai hak kerakyatan dan kewarganegaraan adalah cukup jelas termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Mengapakah pihak Jabatan Pendaftaran Negara tidak menjalankan tugas mereka seperti yang ditetapkan oleh undang-undang?

Saya minta agar Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara supaya mengawasi kegiatan-kegiatan semua kakitangannya yang boleh mempersendakan keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara.

Saya juga minta agar Ketua Pengarah Pendaftaran Negara memberi kelonggaran tentang bayaran pencarian atau pengesahan kad pengenalan yang timbul kerana banyaknya kad pengenalan yang telah diperolehi oleh rakyat asing dalam negara ini terutama di Sabah. Adalah menjadi harapan saya agar Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan yang lebih aggressive, dengan izin untuk membanteras kegiatan pemalsuan kad-kad pengenalan dan passport agar kedaulatan negara terus terjamin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat minta gulung.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah mengutarakan kerisauan dan perasaan takut oleh rakyat Malaysia yang tulen di negeri Sabah tentang kehadiran pendatang-pendatang asing tanpa izin.

Di sini kalau terpaksa saya menggulung. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil perhatian terhadap perkara-

perkara ataupun rompakan-rompakan yang telah berlaku di Semporna baru-baru ini, kerana ini adalah satu perkara yang amat menyedihkan dan menyusahkan rakyat. Keselamatan rakyat di Semporna dan juga di Pantai Timur amat merbahaya sekali dan apa yang telah berlaku Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan satu internasional insiden kerana perompak-perompak itu adalah orang-orang asing.

Oleh kerana itu, perkara ini harus dipandang lebih serius lagi oleh Kerajaan Persekutuan kerana dalam hal ini di mana kemajuan negara Malaysia yang sudah meningkat, tidak sepatutnya rakyat Malaysia di sebelah negeri Sabah ini khususnya di Semporna masih lagi dalam keadaan ketakutan. Saya berharap perkara ini diambil berat oleh pihak keselamatan supaya boleh ditambahkan peruntukan ataupun jentera-jentera, kelengkapan ataupun tenaga pasukan keselamatan bagi menentukan keselamatan sekalian orang-orang kita yang tinggal di Semporna dan Pantai Timur.

Dalam perkara ini juga, saya ingin menyentuh tentang tujuan Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan satu naval base, dengan izin, di negeri Sabah. Dalam hal ini, tujuan untuk mengadakan naval base ini telah ditumpukan kepada Sepangar Bay di Kota Kinabalu. Tetapi memandangkan soal keselamatan dan juga apa yang sudah berlaku berkali-kali di sebelah Pantai Timur, khususnya di Semporna dan juga di Lahad Datu, saya berharap agar tujuan ini dapat difikirkan semula supaya lokasi untuk mengadakan naval base ini boleh ditempatkan di Semporna ataupun di mana-mana di persekitaran Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan itu, dan dengan harapan ianya akan diberi perhatian yang sewajar, saya bagi pihak Parti Bersatu Sabah merakamkan sekali lagi setinggi penghargaan kepada Titah Ucapan Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan justeru itu, kami menyokong Usul Terima Kasih itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Machang.

5.53 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang): Tuan Yang di-Pertua, semasa bertitah kepada kedua-dua Dewan pada 25hb. yang lepas, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong antara lain bertitah, "Sejajar dengan pembangunan pesat negara, sebuah jentera pentadbiran yang cemerlang berupaya menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada rakyat dan negara amatlah perlu."

Dalam menjalankan proses pentadbiran inilah, beberapa rang undang-undang dan akta telah diluluskan melalui Dewan ini. Dan antara rang undang-undang yang sekarang telah pun menjadi akta ialah Akta Pengambilan Balik Tanah.

Semasa cadangan untuk meminda Akta Pengambilan Balik Tanah dibawa ke dalam Dewan ini beberapa tahun lepas, saya telah mengambil bahagian membahaskannya. Pada masa itu, saya telah melahirkan kebimbangan bahawa akta ini akan disalahguna dan kezaliman kepada rakyat dan tuan-tuan tanah akan berlaku. Di atas kebimbangan tersebut, saya telah meminta jaminan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, iaitu Yang Berhormat dari Jasin untuk memastikan dengan apa cara sekali pun supaya akta tersebut tidak disalahgunakan.

Yang Berhormat dari Jasin telah menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang adil dan tidak akan menyalahgunakan kuasa. Beberapa tahun akta ini dipakai, dan pada hari ini semua pihak telah melahirkan rasa tidak puas hati. Rasa

tidak puas hati ini memuncak dengan berlakunya beberapa insiden panas di Melaka, di Kedah, di Selangor, di Negeri Sembilan dan banyak negeri lagi.

Semasa mengusulkan ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pada 26hb. Mac yang lepas, Yang Berhormat dari Yan telah secara terbuka melahirkan kebimbangan dan rasa tidak puas hati terhadap pelaksanaan akta ini.

Saya merasa bangga kerana pandangan dan perasaan curiga saya dahulu telah menjadi kenyataan sekarang. Sesungguhnya rasa bimbang Yang Berhormat dari Yan itu sepatutnya diluahkan bersama saya daripada parti pembangkang semasa rang undang-undang itu dibentangkan dahulu. Perasaan bimbang Yang Berhormat dari Yan itu tidak sepatutnya berlaku sekarang, jika Yang Berhormat dari Yan dan Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang lain, semasa menyokong pindaan akta ini dahulu mengambil sikap berhati-hati dan tidak menyokong secara membuta tuli.

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan balik tanah rakyat untuk kepentingan awam tidak dapat ditolak. Tetapi pengambilan balik tanah rakyat dengan menggunakan tiket pembangunan ekonomi dan memperkayakan beberapa kerat golongan korporat tidak mempunyai justifikasi yang sah. Sebab itulah, sebelum pindaan akta ini kerajaan telah mengambil tanah untuk kepentingan awam. Rakyat memerlukan jalan raya dan sekolah atau kemudahan awam yang lain. Dengan itu, kerajaan boleh mengambil tanah rakyat untuk membina hospital atau membina sekolah. Tetapi kerajaan tidak boleh mengambil tanah si A dan memberikan kepada si B, dan dalam sekelip mata si B tadi menjadi jutawan. Di sinilah letaknya asas tidak puas hati rakyat, di sinilah punca segala penyelewengan yang kami bangkitkan.

Sekarang walau apa pun alasan diberikan oleh kerajaan pemakaian ini akta ini tidak boleh diterima. Rakyat bangkit di mana-mana. Ahli-ahli politik, termasuk Yang Berhormat daripada Barisan Nasional sendiri menyuarakan rasa tidak puas hati. Tidak ada sebab mengapa kerajaan harus berkeras untuk mempertahankan akta ini. Mungkin kerajaan berpendapat, jika akta ini dipinda semula ianya akan menguntungkan perjuangan parti-parti pembangkang. Sebab itu pindaannya diperlambatkan, walaupun kenyataannya telah dibuat beberapa kali.

Jika inilah fikiran kerajaan, ianya tidak kena dan tidak rasional. Jika kami daripada parti pembangkang boleh memberi sokongan kepada usul penghapusan senjata nuklear kerana kepentingan negara, tidak ada sebab mengapa kerajaan tidak boleh menerima pandangan kami demi kepentingan rakyat dan negara. Kami tidak mencari keuntungan politik dalam isu ini. Jika kerajaan membuat kesilapan, apalah salah akui kesilapan itu dan kembalilah ke pangkal jalan demi untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan sebab-sebab inilah saya mencadangkan, yang pertama, Akta Pengambilan Balik Tanah boleh dikekalkan, tetapi tidak dalam bentuknya sekarang. Pindaan semula hendaklah disegerakan dengan mengekalkan peruntukan asal sebelum pindaan. Yang kedua, pindaan semula tersebut mestilah memastikan bahawa kerajaan hanya boleh mengambil semula tanah rakyat hanya di atas kepentingan awam sahaja. Di atas kepentingan-kepentingan lain ianya tidak dibolehkan. Yang ketiga, memastikan bahawa setiap pengambilan tanah diberi pampasan setimpal, termasuk mengambil kira harga pasaran dan kegunaan tanah semasa. Yang keempat, tanah-tanah yang telah diambil melalui akta yang telah dipinda tersebut mestilah dikaji semula. dan pampasan

baru tambahan mestilah diberi kepada tuan-tuan tanah sesuai dengan keuntungan yang diperolehi oleh mereka yang memajukan tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menjawab soalan di dalam Dewan ini pada 26hb. Mac yang lepas, iaitu kelmarin, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri - rakan saya - telah menyatakan bahawa sejak 10 tahun kebelakangan ini, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM67 juta untuk membayar ganti rugi kepada mangsa-mangsa akibat kecuai tindakan-tindakan yang dilakukan oleh kakitangan kerajaan. Jumlah ini adalah suatu jumlah yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, imej pihak-pihak yang menguatkuasakan proses undang-undang agak terjejas. Insiden yang berlaku menampakkan bahawa beberapa kecuai telah berlaku. Sesungguhnya, imej Jabatan Polis dan Jabatan Imigresen di kaca mata masyarakat sekarang sudah tercemar. Kita tidak boleh menerima seorang anggota polis yang mempunyai sejarah sakit jiwa diberi senjata dan akibatnya menembak rakan sendiri. Peristiwa kematian beberapa orang di dalam tanahan polis menjejaskan keyakinan rakyat kepada pihak polis. Peristiwa serangan di Semporna, Sabah lebih lagi mencurigakan rakyat.

Rakyat faham polis mempunyai tugas berat untuk menjaga keselamatan dan menyelesaikan kes-kes jenayah, tetapi pada masa yang sama, polis tidak dibolehkan untuk membunuh tanpa suatu justifikasi yang sah di sisi undang-undang. Di sinilah letaknya budi bicara yang harus digunakan dengan penuh hemat. Imej Polis DiRaja Malaysia mestilah dipulihkan dengan segera.

Sejak akhir-akhir ini, tindakan melarikan diri oleh pelatih-pelatih di Pusat Latihan Serenti semakin bertambah.

Kejadian ini seolah-olah menggambarkan langkah pemulihan penagih-penagih dadah tidak berkesan. Jumlah penagih-penagih baru semakin bertambah dan membimbangkan.

Kita mempunyai undang-undang yang ketat mengenai dadah, undang-undang yang ketat sahaja tidak memberi makna jika kesalahannya tidak berkesan. Sebahagian besar mereka yang terlibat dengan dadah ialah golongan penagih. Mereka ini perlu dipulihkan dan bukannya dihukum dengan deraan. Tindakan pelatih melarikan diri daripada pusat pemulihan, tidak boleh dilihat dari satu aspek sahaja. Seluruh sistem pemulihan mesti dikaji semula. Peraturan undang-undang mesti disemak tentang kesesuaiannya. Aktiviti-aktiviti latihan pemulihan mestilah diperbaiki. Keadaan di pusat pemulihan, pusat-pusat serenti mesti dikaji dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada mendengar bahawa dadah senang diperolehi di pusat serenti. Kita juga mendengar pelatih didera dengan keterlaluan, aktiviti pemulihan tidak berkesan. Saya menyambut baik kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, bahawa suatu kenyataan iaitu penubuhan jawatankuasa khas dibentuk untuk membasmi masalah penyalahgunaan dadah. Kita menunggu dengan penuh minat peranan dan keberkesanan jawatankuasa yang akan ditubuhkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dasar penerapan Islam di dalam pentadbiran kerajaan telah lama dilancarkan. Dasar atau undang-undang Islam bukan boleh diterap, tetapi ianya perlu diamal dan dipraktik di dalam setiap sistem pentadbiran. Saya merasa syukur kerana sudah terdapat cadangan Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Yan sendiri yang sudah sedar dan sekarang ini mencadangkan agar Mufti dijadikan

Ahli *Ex-officio* Majlis Mesyuarat Kerajaan-kerajaan Negeri. Kami daripada Parti Melayu Semangat 46 telah lama membuat cadangan sedemikian dan kami juga telah mengemukakan cadangan yang sama kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Ahli Yang Berhormat dari Yan mestilah menggesa negeri-negeri lain

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak ada masa, Yang Berhormat. Minta maaf.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sekejap sahaja, sedikit sahaja.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak ada masa, Yang Berhormat. Kalau sempat sesudah habis semua, ada masa saya beri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak bertanya, Mufti Kelantan duduk atau tidak dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Itulah Yang Berhormat! Sebab itulah saya katakan tadi, di akhir tahun lepas wakil daripada Parti Melayu Semangat 46 telah bertemu dengan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar dan salah satu cadangan yang kami bawa ialah supaya Mufti Kelantan dijadikan Ahli *Ex-officio* Kerajaan Negeri Kelantan.

Saya menyeru Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong termasuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada UMNO khususnya, supaya dapat membawa cadangan yang sama kepada negeri-negeri yang dikuasai oleh Kerajaan Barisan Nasional supaya melantik Mufti-mufti

ini menjadi Ahli *Ex-officio* kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Perlantikan Mufti sebagai Ahli *Ex-officio* di peringkat Kerajaan Negeri sahaja tidak cukup kerana dalam sistem persekutuan kita sekarang, kuasa lebih tertumpu kepada Kerajaan Pusat.

Oleh yang demikian, usaha hendaklah dibuat di peringkat pusat supaya alim ulama dijadikan pakar rujuk dalam setiap dasar yang ingin digubal oleh kerajaan. Ulama mesti menjadi Ahli *Ex-officio* dalam Kabinet dan kementerian-kementerian, cadangan ini tidak keterlaluan kerana ianya tidak bercanggah dengan dasar-dasar dan nilai-nilai budaya masyarakat Malaysia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah mendengar suatu lagi skandal besar iaitu skandal Perwaja. Kita telah dilaporkan bahawa skandal ini telah melibatkan wang rakyat berjumlah RM10.5 bilion. Kita telah mendengar kenyataan bahawa Perwaja telah mengalami kerugian berjumlah RM2.5 bilion, tidak termasuk hutang dengan bank-bank tempatan yang berjumlah RM5.7 bilion. Hutang dengan Kerajaan Pusat berjumlah RM1.2 bilion. Ini tidak termasuk jumlah pelaburan awam yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan ke dalam Perwaja berjumlah lebih daripada RM800 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kesemuanya ini melibatkan wang berjumlah lebih daripada RM10 bilion. Persoalannya, setahu saya, sudah dua kali kerajaan menyelamatkan Perwaja dengan menggunakan wang rakyat. Kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah menyatakan bahawa suatu kertas putih sedang dibuat. Satu laporan audit sedang dibuat dan laporan ini tidak dibekalkan sehingga hari ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam

Negeri, di mana manusia yang bernama Eric Chia ini sekarang? Sebab kita mendengar manusia bernama Eric Chia ini sudah lari meninggalkan negara ini. Apakah benar kenyataan ini? Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab kenyataan ini dengan seikhlas-ikhlasnya.

Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan berjumlah RM10 bilion ini, adalah suatu penyelewengan yang tidak boleh dimaafkan jika terbukti berlaku penyelewengan. Bagaimana kita boleh membiarkan penyelewengan wang yang sebegini besar? Saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Terengganu, Ahli Yang Berhormat dari Marang, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman ingin sangat bercakap soal ini tetapi perlu menjaga hati pihak-pihak tertentu dalam kerajaan.

Rakyat Terengganu telah muak dengan penyelewengan dan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Perwaja. Bagaimana kita menggunakan wang rakyat untuk kepentingan pihak-pihak tertentu sehingga membawa skandal kerugian berjumlah RM10 bilion. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyelewengan Kabinet supaya bertindak menyelesaikan masalah ini sehingga ke akar-akar umbinya. Jika ada penyelewengan berlaku supaya membawa mereka yang bersalah, yang melakukan penyelewengan ini ke muka pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai cadangan kepada penyelesaian masalah ini, saya mencadangkan untuk menyelesaikan skandal yang besar ini, supaya satu Suruhanjaya DiRaja mestilah dibentuk untuk menyiasat sehingga ke akar umbinya dan segala laporan yang dibuat sama ada laporan audit yang telah diarahkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja, jika dipersetujui oleh kerajaan mestilah didedahkan, bukan sahaja kepada

rakyat Terengganu tetapi kepada seluruh hampir 18 juta rakyat Malaysia pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih membimbangkan kita lagi ialah ada ura-ura mengatakan bahawa wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, wang para pekerja, wang yang terhad kepada pekerja akan digunakan untuk kali yang ketiga menyelamatkan Perwaja. Ini cukup menyedihkan jika berita ini benar. Wang atau Tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang sekarang ini mengikut maklumat yang saya perolehi, merupakan lebih daripada RM100 bilion. Ianya adalah wang kepada lebih daripada 4 juta pekerja-pekerja yang telah berkorban menabung wang di dalam tabung berkenaan.

Jikalau benar bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan digunakan untuk menyelamatkan Perwaja yang telah mengalami skandal kewangan lebih daripada RM10 bilion, cukup-cukup malang sekali, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah baru-baru ini apabila pihak kesatuan sekerja membangkitkan rasa tidak puas hati tentang dividen yang dibayar terlalu rendah, rasa tidak puas hati ini mempunyai alasan yang sah. Kita tidak tahu sekarang bagaimana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini dilaburkan. Di dalam bidang-bidang mana wang-wang ini dilaburkan? Mengapa pada tahun ini, jumlah dividen yang diberi adalah berkurangan? Siapa yang menjadi ejen pelaburan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan sekali lagi, bahawa wang simpanan atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini adalah hak pekerja, walaupun dibayar oleh majikan dalam jumlah tertentu, sumbangan daripada pekerja sejumlah tertentu, ianya di sisi undang-undang adalah hak pekerja. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah pemegang amanah kepada wang ini. Oleh yang

demikian, dalam setiap tindakan yang akan dibuat oleh lembaga ini untuk melaburkan wang simpanan pekerja ini mestilah dilakukan secara berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang skandal kehakiman dan kedudukan Jabatan Peguam Negara sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa terkejut bila Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong yang begitu lantang mengkritik kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Peguam Negara. Sebenarnya, perkara yang sama telah saya bangkitkan semasa insiden yang melibatkan seorang anak gadis yang dikaitkan dengan bekas Ketua Pemuda UMNO pada masa itu. Yang saya pertikaikan pada masa itu ialah tindakan keterlaluan Yang Berhormat Peguam Negara mendedahkan latar belakang buruk gadis berkenaan.

Saya tidak mempertikaikan tugas Peguam Negara. Peguam Negara mempunyai kuasa di bawah Perkara 37(6) sama ada mendakwa sesiapa, menarik balik pertuduhan, itu hak Peguam Negara, kita tidak mahu mempersoalkan ini. Tetapi tindakan Peguam Negara pada masa itu yang mendedahkan latar belakang buruk budak berkenaan telah menimbulkan satu kontroversi yang besar dalam masyarakat kita. Sama dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat di akhir-akhir ini. Perlulah diingatkan bahawa jawatan Peguam Negara adalah satu jawatan yang cukup penting, shall I say, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, 'he is the most powerful man in Malaysia'. Peguam Negara 'even can issue sanction to prosecute' Perdana Menteri walaupun barangkali beliau tidak akan berani berbuat demikian.

Tetapi di sisi undang-undang, Peguam Negara ialah the most powerful man, ia boleh menuduh sesiapa, menarik balik sesiapa, menurut proses undang-undang.

walaupun dalam negara ini terbukti bahawa beliau tidak berbuat demikian.

Sesuai dengan jawatannya yang sebegitu tinggi, Peguam Negara mestilah mengelakkan diri beliau dengan melibatkan diri dengan membuat kenyataan-kenyataan yang bersifat kontroversial, terutamanya kenyataan-kenyataan yang berbau politik, yang akan mengeruhkan lagi suasana kerana jawatan Peguam Negara ialah jawatan yang patut disanjung tinggi, yang patut dan perlu dihormati supaya ianya dapat dihormati oleh bukan sahaja para pengamal undang-undang dalam negara ini, tetapi seluruh masyarakat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhirnya ini pula, sistem kehakiman negara kita telah menjadi suatu isu yang agak serius. Tuduhan-tuduhan melulu yang dibuat kepada sistem kehakiman tidak boleh dipandang ringan. Tahun 1988, kita masih ingat, insiden di mana Yang Arif Tun Saleh Abas dipecat daripada jawatannya sebagai Ketua Hakim Negara sehingga Ketua Hakim Negara yang dilantik menggantikan beliau tidak dihormati oleh Majlis Peguam sehingga beliau bersara. Tidak pernah ada sejarah dalam negara ini seorang Ketua Hakim Negara tidak diiktiraf oleh Majlis Peguam sehingga beliau meletakkan jawatan.

Akhirnya ini kontroversi lain pula timbul. Tuduhan-tuduhan yang dibuat ini, saya tidak tahu sama ada ianya adalah tuduhan tepat atau tuduhan yang tidak mempunyai bukti, tetapi, ia tidak boleh dipandang ringan. Mahkamah tidak boleh dijadikan tempat oleh ahli-ahli atau golongan korporat untuk mencapai cita-cita jahat mereka. Mahkamah tidak boleh dijadikan tempat untuk ahli-ahli golongan korporat mencari keuntungan dengan memenangi kes-kes di mahkamah. Integriti badan kehakiman mestilah dipertahankan. Sesuai dengan prinsip bahawa "justice must not only be seen, must not only be done, it must seen to be done".

Tuan Yang di-Pertua, kesemua pihak yang terlibat di dalam sistem pentadbiran kehakiman di negara ini mesti merenungkan kembali. Majlis Peguam, Badan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara mesti mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini, bukan dengan mengambil sikap menuding jari kepada sesuatu pihak. Peguam menuding jari kepada Badan Kehakiman, Badan Kehakiman membalas kepada Majlis Peguam. Ini bukan suatu cara yang baik dalam sistem masyarakat dan nilai budaya Malaysia. Sistem rundingan adalah merupakan sistem yang terbaik. Demi menjaga imej Badan Kehakiman, Majlis Peguam dan Sistem Perundangan di negara ini, saya menyeru kepada semua pihak supaya dapat mencari kata sepakat untuk menjaga imej dan sistem kebebasan Badan Kehakiman di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Gaya.

6.15 ptg.

Tuan Philip Yong Chew Lip (Gaya): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Jaafar pada masa merasmii sesi Parlimen kali ini. Iktibar daripada Titah Ucapan Baginda hendaklah sentiasa menjadi panduan kita semua dalam menjalankan amanah rakyat dan negara yang diletakkan di bahu kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses menuju ke arah peningkatan teknologi moden dan industri pendidikan merupakan faktor penentu yang utama sekiranya

pencapaian pendidikan rakyat berada dalam tahap yang rendah, maka matlamat untuk menjadikan negara kita sebagai negara maju sukar untuk dicapai. Pelaksanaan yang pernah dilakukan oleh negara yang maju patut dijadikan penggerak kepada kita. Pencapaian pendidikan seperti rakyat Jepun adalah sangat tinggi. Walau bagaimanapun, perubahan dan pelaksanaan telah dilakukan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak untuk merombak sistem pentadbiran dan pendidikan negara kita semenjak beliau menjawat jawatan pada tahun lalu.

Antaranya peningkatan taraf Sijil Perguruan kepada Diploma Perguruan di semua maktab-maktab mulai bulan Julai ini. Dengan peningkatan taraf ini dapat melahirkan golongan guru yang lebih berpotensi dan berkualiti. Justeru itu, perubahan yang dilakukan dan dilaksanakan perlu disanjung dan dihargai. Peningkatan ini bukan sahaja dapat menarik lebih ramai generasi muda menceburi diri dalam bidang perguruan, malahan dapat mengurangkan masalah kekurangan guru pada masa yang akan datang. Masalah kekurangan guru merupakan halangan dalam proses perkembangan pendidikan di sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan.

Menteri Pendidikan telah merestui bahawa kekurangan guru bahasa Cina merupakan satu kenyataan, khususnya selepas mata pelajaran bahasa Cina di ajar di sekolah kebangsaan. Untuk mengatasi masalah kekurangan guru, Kementerian Pendidikan meluluskan pesara untuk melanjutkan tempoh mengajar selama 2 tahun. Tindakan ini sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah kekurangan guru pada masa kini. Memandangkan sumbangan dan jasa guru-guru terhadap negara ini, saya mencadangkan Kementerian Pendidikan untuk menubuhkan satu tabung khas iaitu

Tabung Biasiswa Anak Guru untuk membantu anak-anak pendidik melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi. Ini adalah disebabkan pendapatan seorang guru tidaklah berkemampuan membiayai anak untuk melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi, khususnya di luar negeri. Saya yakin sekiranya cadangan ini dipertimbangkan bukan sahaja dapat menarik lebih ramai golongan muda menceburi dalam bidang perguruan, malahan guru-guru dapat lebih menumpukan perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan kawasan perairan yang luas di Sabah telah memudahkan kedatangan pendatang tanpa izin mendarat dan seterusnya tinggal di negeri ini secara haram. Masalah pendatang tanpa izin telah menjadi satu masalah utama yang serius semenjak 20 tahun yang lalu, akan tetapi tindakan kerajaan yang kurang berkesan telah mengakibatkan masalah ini berterusan sehingga masa kini. Bilangan pendatang tanpa izin telah bertambah, khususnya di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Semporna, Kudat dan Lahad Datu sehingga satu angka yang membimbangkan. Masalah sosial yang dilakukan oleh pendatang tanpa izin seperti menduduki tanah kerajaan dan persendirian secara haram dan membina rumah setinggan di merata tempat. Pihak penguatkuasa Majlis Perbandaran tidak mampu mengatasi masalah sosial ini memandangkan pembinaan rumah haram jika dirobuhkan akan dibina semula dalam masa beberapa hari sahaja.

Pendatang tanpa izin ini bukan sahaja tinggal secara haram malahan melahirkan anak dan demi memelihara anak, mereka bekerja sebagai pekerja asing tanpa permit dan menjaja di pasar atau di mana-mana sahaja.

Bahkan ada pendatang tanpa izin melibatkan diri dalam perompakan dan

penyeludupan untuk memperolehi wang yang lumayan. Justeru itu, kes penjenayah telah semakin meningkat di negeri ini. Baru-baru ini, dalam satu kes rompakan di Semporna iaitu di sebuah kedai emas, perompak telah melempar bahan letupan di balai polis dan melepaskan beberapa das tembakan sebelum melarikan diri dari tempat kejadian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam dua bulan, telah ada dua kali rompakan kedai emas di Semporna. Saya rasa ini adalah masalah yang serius di Sabah dan saya mencadangkan kerajaan menubuhkan satu badan untuk menyasiat keadaan di Semporna ini.

Dalam kes ini telah mengakibatkan penduduk tempatan hidup dalam keadaan takut dan ngeri. Dalam kes yang lain iaitu berlakunya tembak-menembak di antara polis marin dengan penyeludup-penyeludup rokok di Lahad Datu. Kes ini telah mengakibatkan 3 orang polis marin tercedera. Tindakan menghantar pulang pendatang tanpa izin oleh pasukan petugas khas dan pihak berkuasa tidak dapat menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin.

Setiap kali penangkapan dilakukan, beribu pendatang izin ditahan dan dihantar ke kem tahanan di Tawau dan Sandakan. Akan tetapi, mereka akan kembali selepas sahaja dihantar pulang ke negara asal. Oleh yang demikian, saya merayu Kerajaan Persekutuan memandang berat tentang masalah pendatang tanpa izin di Sabah dan melancarkan dasar seperti menghantar pulang pelarian Vietnam demi mengatasi masalah yang serius ini. Saya juga merayu kerajaan agar menghantar lebih ramai tentera laut dan polis marin untuk meronda di sekitar perairan Sabah supaya pendatang tanpa izin tidak mudah mendarat di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang tanpa izin telah menggunakan tipu helah untuk

mendapatkan kad pengenalan supaya menjadi warganegara Malaysia. Pendatang tanpa izin ini akan memperolehi kemudahan dalam pekerjaan, perubatan, pendidikan dan operasi polis atau pasukan petugas khas setelah memperolehi kad pengenalan.

Justeru itu, kes penjualan kad pengenalan palsu telah dilakukan oleh kumpulan yang mengkhianati negara bersama-sama dengan pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara.

Semenjak pihak polis menjalankan operasi terhadap kad pengenalan palsu ini, seramai 48 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Negara. Antaranya, mereka yang terlibat termasuklah 8 orang kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara. Rakyat Sabah amat menghargai tindakan Polis terhadap penangkapan ke atas orang-orang yang terlibat di dalam kes kad pengenalan palsu ini dan saya berharap tindakan ini dapat diteruskan sehingga menghapuskan perbuatan mengkhianati negara. Saya juga mencadangkan agar pihak polis memerhatikan perkembangan ini supaya dapat menghapuskan perbuatan kumpulan yang tidak bertanggungjawab dan pengkhianat negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan beras super grade tidak diserahkan sebagai barangan kawalan, maka harganya adalah sentiasa tidak stabil. Ini disebabkan Bernas Berhad telah memonopoli import beras negara ini. Oleh itu, pengagihan beras kepada pemborong dan ejen beras adalah dipengaruhi oleh Bernas Berhad.

Di negeri Sabah, pengguna selalu mengadu bahawa harga beras super grade tidak stabil dan mengalami kekurangan dalam pasaran. Oleh yang demikian, pengguna berharap pasaran mengimport beras dibuka kepada syarikat yang lain supaya pengguna dapat menikmati harga

beras yang adil dan mendapat bekalan yang mencukupi.

Saya di sini mencadangkan agar kerajaan memberi pertimbangan secara mendalam dan seterusnya membenarkan syarikat selain daripada itu mengimport beras dari negara jiran. Tindakan ini dapat membolehkan rakyat kita membeli beras dengan harga yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru Kementerian Kerja Raya agar memberi keutamaan dalam memberi peruntukan yang mencukupi dan tambahan untuk membaiki kerosakan jalan raya dan jambatan akibat banjir dan tanah runtuh beberapa bulan yang lalu berdasarkan maklumat Jabatan Kerja Raya bahawa maklumat dan laporan lengkap telahpun dikemukakan kepada Kerja Raya. Oleh itu, saya berharap Kementerian Kerja Raya dapat bertindak dengan segera.

Sekian, dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ledang.

6.25 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail (Ledang): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain. Saya juga ingin turut serta dalam perbahasan Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali saya suka menyentuh tentang penekanan yang diberikan kepada pembangunan insan seutuhnya ke arah mencapai taraf negara maju seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020 dan penerapan nilai-nilai Islam yang dapat membentuk peribadi luhur dan disiplin, lebih-lebih lagi dalam keadaan sosial yang kian pincang seperti sekarang ini.

Kita merasa bersyukur dan lega kerana kerajaan kita memberikan tumpuan dan perhatian yang serius terhadap gejala-gejala yang buruk ini dalam usaha pembangunan insan seutuhnya seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat gejala keruntuhan akhlak dan kemelut sosial yang merunsingkan kerajaan dan masyarakat kita sekarang ini berpunca daripada pendewaan kita yang keterlaluan terhadap unsur-unsur yang didatangkan daripada Barat seperti dadah, lepak, merosotnya institusi kekeluargaan, kegilaan terhadap kebendaan, kegilaan terhadap hiburan, pergaulan bebas, keruntuhan akhlak dan disiplin, kesemuanya dibuat di atas nama hak dan kebebasan individu mengikut standard dan piawaian Barat.

Sebagai bangsa yang pernah dijajah oleh Barat, kita menganggap Barat adalah superior dalam semua perkara. Kita menganggap meniru gaya hidup Barat itu adalah satu kemajuan dan satu kemodenan.

Ibn Khaldun dalam kitab Mukadimahnyanya ada menegaskan:

“The vanquish always want to imitate the victor in his distinctive mark, his dress, his occupation and all his other conditions, customs and cultures.”

Dengan sebab itu, bagi mereka yang masih terjajah pemikirannya, meniru cara hidup Barat ini adalah satu kemestian kalau mahu dianggap sebagai superior, maju dan moden dan apa sahaja yang dibuat oleh Barat tetap menjadi ikutan kita.

Rasulullah s.a.w. juga di dalam sebuah hadis riwayat Muslim pernah menegaskan,

“Kamu akan mengikuti tabiat orang-orang tersebut sejengkal demi sejengkal,

sehasta demi sehasta sehingga walaupun mereka itu masuk ke lubang biawak sekali pun, nescaya kamu turut sama ke dalamnya.”

Apabila para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, adakah yang kau maksudkan itu orang Yahudi dan Nasrani?” Baginda menjawab, “Siapa lagi!” Dengan sebab itulah, apabila orang Barat berkhayal dengan dadah, kita pun ikut berkhayal dengan dadah. Akibatnya pusat-pusat serenti sentiasa berlebihan penghuni.

Apabila orang Barat mengamalkan cara hidup bebas di antara lelaki dan perempuan, kita pun meniru gaya hidup ini. Akibatnya, pembuangan bayi yang amat memilukan. Orang Barat rock, kita pun ikut rock; orang Barat breakdance, kita pun ikut breakdance; orang Barat

bebas melakukan homoseks, kita pun mahu ikut sama. Maka, merebaklah AIDS dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat..... Yang Berhormat, masa kita sudah cukup. *(Ketawa)* Yang Berhormat boleh sambung hari esok selama 15 minit ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.